



HIMPUNAN KEPUTUSAN  
MUZAKARAH JAWATANKUASA  
FATWA KEBANGSAAN

*Berhubung dengan*  
**ISU-ISU  
MUAMALAT**



جائزه لاجواند مالیسیا

*Diterbitkan oleh*  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
[www.Islam.gov.my](http://www.Islam.gov.my)

Cetakan Pertama 2009  
Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia                      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan :  
Berhubung Dengan Isu-Isu Muamalat  
ISBN : 978-983-042-439-2

*Reka bentuk oleh:*  
Lakhauf Management Services  
SH 31, Jalan 7, Taman Greenwod  
68100 Batu Caves, Selangor  
Telefaks : 03-6189 6246  
Email : [lakhaufmanagement@yahoo.com](mailto:lakhaufmanagement@yahoo.com)

*Dicetak oleh:*  
QA Printers Sdn. Bhd.  
No. 21, Jalan Kampung Pasir Baru,  
Off Jalan Klang Lama,  
58200 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7783 1530 Faks: 03-7783 1730

# Isi Kandungan

Sidang Redaksi	v
Kata-kata Aluan	vi
<b>FATWA PERTAMA :</b> HUKUM MENGAGIHKAN ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADA' ZAKAT	1
<b>FATWA KEDUA :</b> HUKUM PERADUAN SMS DAN MENYERTAINYA MENURUT PANDANGAN ISLAM	7
<b>FATWA KETIGA :</b> HUKUM BERMUAMALAH DENGAN BANK-BANK PERDAGANGAN	11
<b>FATWA KEEMPAT :</b> HUKUM TERHADAP PRODUK INVESTMENT LINK MENURUT ISLAM	16
<b>FATWA KELIMA :</b> HUKUM PELABURAN TERHADAP SYARIKAT SWISS CASH MUTUAL FUND	20
<b>FATWA KEENAM :</b> HUKUM WAKAF BAGI TANAH BERTARAF HAK MILIK TERHAD	27
<b>FATWA KETUJUH :</b> HUKUM ZAKAT TERHADAP FIRMA-FIRMA SYARIKAT KONSULTAN	30
<b>FATWA KELAPAN :</b> PEWARISAN HARTA DAN HARTA SEPENCARIAN YANG DILAKSANAKAN DI RANCANGAN FELDA	33
<b>FATWA KESEMBILAN :</b> CARA PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH SELURUH MALAYSIA	38
<b>FATWA KESEPULUH :</b> ZAKAT WANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	41
<b>FATWA KESEBELAS :</b> HUKUM MENTERNAK DAN MENJUAL LINTAH DAN CACING UNTUK TUJUAN PERUBATAN DAN KOSMETIK	44
<b>FATWA KEDUA BELAS :</b> HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT	50

<b>FATWA KETIGA BELAS :</b> HUKUM MENJADIKAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN	53
<b>FATWA KEEMPAT BELAS :</b> HUKUM PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH	56
<b>FATWA KELIMA BELAS :</b> HUKUM PEMBAYARAN SIMPANAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA BAGI AHLI YANG MEMELUK AGAMA ISLAM	60
<b>FATWA KEENAM BELAS :</b> HUKUM MENYERAHKAN SEBAHAGIAN TANAH WAKAF KEPADA PIHAK BERKUASA	63
<b>FATWA KETUJUH BELAS :</b> HUKUM PEWARISAN BAGI KES KEMATIAN SERENTAK	67
<b>FATWA KELAPAN BELAS :</b> HUKUM SKIM CEPAT KAYA DAN SEUMPAMANYA	71
<b>FATWA KESEMBILAN BELAS :</b> HUKUM WANITA DAN ORANG BUKAN ISLAM SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	76
<b>FATWA KEDUA PULUH :</b> HUKUM ZAKAT FITRAH KE ATAS ORANG TAHANAN DAN BANDUAN ISLAM DI INSTITUSI PENJARA	78
<b>FATWA KEDUA PULUH SATU :</b> HUKUM ZAKAT, KORBAN DAN AKIKAH KE ATAS TERNAKAN RUSA	81
<b>FATWA KEDUA PULUH DUA :</b> SAHAM WAKAF DAN WAKAF GANTIAN	84
<b>FATWA KEDUA PULUH TIGA :</b> HUKUM MEMBANGUNKAN TANAH WAKAF KHAS DENGAN MEMBANGUNKAN SELAIN NIAT ASAL PEWAKAF	86
<b>FATWA KEDUA PULUH EMPAT :</b> KAJIAN HUKUM INSURANS AM	92
<b>FATWA KEDUA PULUH LIMA :</b> HUKUM BAYARAN ZAKAT ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA	97
<b>Bibliografi</b>	<b>101</b>

# **S I D A N G R E D A K S I**

---

## ***Penasihat***

Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Syeikh Abdul Aziz  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## ***Pengerusi***

Haji Razali bin Haji Shahabudin  
Pengarah  
Bahagian Penyelidikan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## ***Setiausaha***

Haji Munir bin Haji Md. Salleh

## ***Ahli Jawatankuasa***

Fatimah binti Saad • Hajah Wan Morsita binti Wan Sudin

Halim bin Ahmad • Razi bin Hassan • Ahmad Zaky bin Md. Ali @ Tahir

Norhalina binti Othman • Mohd Zamir bin Bahall • Nor Azimah binti Azmi

Mahayudin bin Abu Bakar • Kamarul Saman bin Yaacub • Hasni binti Mohd. Ali  
Rashidah binti Che Wil. Syahnaz binti Sulaiman. Taqwa binti Zabidi

Abdul Muhammin bin Mahmood • Mohd Kamil bin Abu Talib

Mohd Aizam bin Mas'od • Kamarulzaman bin Mustappa  
Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud

## ***Penasihat Bahasa***

Prof. Madya Dr. Haji Abdul Razak bin Haji Dali  
Hajah Sharifah Shifikah binti Tan Sri Datuk Syed Hassan Aidid

## ***Urus Setia***

Zainur Akmar binti Abdul Adi  
Abdul Halim bin Jurami  
Sofiah Noor binti Yahya  
Selamah binti Mat Saman  
Norazlina binti Osman  
Maznah binti Md Nor  
Norashikin binti Mohd Kasim

## Kata Alu-aluan



**KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT atas limpah dan rahmatNya, selawat dan salam buat Nabi Muhammad SAW tercinta, juga kaum keluarga Baginda, para Sahabat serta para Tabi'in yang memperjuangkan Islam di bumi Allah SWT ini.

Alhamdulillah, dengan taufik dan inayah Allah SWT, Buku Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Isu-isu Muamalat akhirnya dapat diterbitkan. Buku ini diharap dapat menjawab dan menyelesaikan persoalan masyarakat dan agensi di negara ini disamping menjadi rujukan pelbagai pihak berhubung isu-isu muamalat. Buku ini adalah sangat istimewa kerana ia bukan hanya menghimpunkan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkaitan dengan isu-isu muamalat, malah turut juga memuatkan latar belakang fatwa serta hujah dan dalil sebagai sandaran bagi keputusan muzakarah tersebut.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Bahagian Penyelidikan, JAKIM kerana dengan segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan akhirnya membawa hasil yang dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga buat pegawai dan kakitangan Bahagian Penyelidikan yang berjaya menyiapkan Buku Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Isu-isu Muamalat

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SYEIKH ABDUL AZIZ**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.**

## FATWA PERTAMA

### HUKUM MENGAJIKAN ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADA' ZAKAT

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) kali ke-76 pada 21-23 November 2006 di Terengganu telah membincangkan Hukum Pengagihan Zakat Secara Persendirian dan *Qada'* Zakat. Muzakarah memutuskan:

1. Dari segi siasah dan maslahah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah atau *ulil amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa. Ini kerana dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *ulil amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.
2. Mengenai hukum *qada'* zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

#### LATAR BELAKANG

Isu ini telah timbul apabila terdapat kecenderungan sesetengah syarikat atau anggota masyarakat mengagih sendiri zakat kepada asnaf zakat tanpa melalui agensi yang telah dilantik oleh kerajaan atau pemerintah. Selain itu, timbul juga persoalan tentang hukum *qada'* zakat dan sejauh mana pelaksanaannya di Malaysia. Kekeliruan ini berlaku disebabkan perbezaan antara amalan semasa sesetengah syarikat dan individu dengan akta, fatwa atau peraturan yang

dikeluarkan tentang perkara tersebut.

Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan zakat di bawah bidang kuasa negeri. Semua negeri di Malaysia telah memperuntuk perkara berkenaan dengan urusan zakat ini sama ada di bawah akta atau enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah enakmen khusus tentang zakat. Akta atau enakmen juga ada memperuntuk kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan setiap orang yang melanggar akta atau enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman.

Menurut Seksyen 16 (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) secara jelas memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat. Ini bermaksud, orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak dilantik oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16 (b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan.

Walau bagaimanapun, dari segi amalannya banyak syarikat korporat atau orang perseorangan yang membayar sendiri atau mengeluarkan sebahagian daripada zakat mereka kepada asnaf yang dianggap layak menerima zakat (seolah-olah mereka ialah amil yang dilantik untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak). Mereka beranggapan seksyen 16 tersebut tidak mengikat seseorang atau sesebuah syarikat untuk mengagihkan sendiri secara terus kepada asnaf zakat.

Penelitian yang dibuat terhadap beberapa himpunan fatwa (yang tidak diwartakan) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri pula menunjukkan tiada tegahan untuk mana-mana orang atau syarikat membayar sendiri zakat kepada asnaf yang layak menerimanya. Keputusan-keputusan fatwa ini secara amnya menguatkan lagi hujah yang membolehkan syarikat atau orang ramai membayar zakat secara terus tanpa melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Negeri.

Berhubung dengan *qada'* zakat pula, ia bermaksud bayaran zakat yang diterima pada tahun semasa tetapi untuk bayaran zakat yang tidak dibayar pada

tahun-tahun yang sebelumnya. *Qada'* zakat merupakan salah satu daripada jenis zakat yang dikutip oleh PPZ Negeri, malahan ada negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang yang secara jelas menyenaraikan maklumat mengenai *qada'* zakat dalam laman web mereka. Penyenaraiannya dalam jenis-jenis zakat menunjukkan ia termasuk sebagai kategori zakat yang wajib dibayar. Namun demikian tidak dipaksa pembayar membayarnya sekaligus, tetapi dinaisihatkan mendahuluikan bayaran zakat semasa dan sekiranya mampu maka boleh membayar zakat yang tertunggak itu secara beransur-ansur.

## **HUJAH DAN DALIL**

### **1. Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Tanpa Melalui Pemerintah**

Zakat merupakan satu kewajipan yang jelas dalam Islam. Ia bukanlah suatu kewajipan yang terbeban kepada seorang individu sahaja tetapi merupakan satu sistem dalam masyarakat Islam yang dipantau pelaksanaannya oleh pihak pemerintah dan diurus secara sistematik oleh pihak yang dipertanggungjawabkan sama ada dari segi kutipan maupun agihan.

Para fuqaha bersepakat bahawa pemerintah mempunyai kuasa untuk memungut dan mengagihkan zakat ternakan, tanaman dan buah-buahan (zakat harta zahir). Sekiranya pemerintah meminta zakat-zakat tersebut ditunaikan maka wajib bagi rakyat membayar kepadanya. Saidina Abu Bakar r.a. telah memerangi golongan yang ingkar membayar zakat-zakat tersebut dengan persetujuan sahabat-sahabat yang lain. Perkara tersebut (hak pemerintah untuk memungut zakat harta zahir) kemudiannya menjadi ijmak dalam kalangan orang Islam (kecuali satu pendapat daripada Hanabilah yang mengatakan zakat harta zahir wajib dibayar tetapi tidak wajib membayar kepada pemerintah).<sup>1</sup>

Sementara zakat harta batin (seperti mata wang dan barang perniagaan) pula para fuqaha telah berselisih pendapat tentangnya seperti berikut:

---

<sup>1</sup> *Abhath fiqhiiyah fi qadaya al-zakat al-muasirah*, jld.1, hlm. 108-109.

- a. Hanafiah: Pengurusan zakat harta batin diserahkan kepada pemilik harta tersebut. Zakat ini pada asalnya di bawah kuasa pemerintah, tetapi pada masa Saidina Uthman r.a. pengurusannya diserahkan kepada tuan punya harta kerana maslahah tertentu.
- b. Malikiah: Wajib membayar zakat kepada pemerintah yang adil sama ada harta zahir atau batin.
- c. Syafieah: Pemilik harta hendaklah mengagihkan sendiri zakat harta batin iaitu emas, perak, barang perniagaan dan zakat fitrah (menurut satu pendapat, sementara satu pendapat lagi mengatakan zakat fitrah termasuk harta zahir).
- d. Hanabilah: Tidak wajib menyerahkan zakat kepada pemerintah, tetapi pemerintah boleh menerima sama ada harta zahir atau batin.<sup>2</sup>

Setelah mengemukakan pandangan fuqaha di atas, Yusuf al-Qaradhawi telah membuat kesimpulan bahawa para fuqaha mazhab berselisih pendapat dalam perkara ini tetapi mereka sependapat dalam dua perkara iaitu:

- a. Adalah menjadi hak pemerintah untuk meminta rakyatnya mengeluarkan zakat pada semua jenis harta sama ada zahir atau batin, lebih-lebih lagi apabila diketahui keadaan rakyat yang mempermudah-mudahkan urusan pembayaran zakat.
- b. Apabila pemerintah cuai dalam melaksanakan urusan zakat (tidak memungutnya), maka perintah berzakat tidak gugur atas pemilik-pemilik harta, mereka tetap wajib mengeluarkannya sendiri kepada asnaf yang layak (secara persendirian).

Beliau seterusnya menyatakan, berdasarkan pemerhatiannya terhadap nas-nas dan dalil-dalil syarak yang menetapkan zakat ialah urusan pemerintah atau kerajaan Islam tanpa membezakan antara harta zahir dengan batin, maka dengan itu wajiblah kerajaan menguruskan urusan zakat dari semua segi sama ada kutipan atau agihan. Inilah kaedah yang asal bagi zakat menurut pandangan beliau.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld. 2, hlm. 242-246. 3  
Ibid, hlm. 251-252.

Kebanyakan fuqaha semasa berpandangan bahawa pihak pemerintahlah yang sepatutnya mengendalikan urusan zakat. Ia perlu dilengkapi dengan prasarana yang mencukupi sama ada dari segi perundangan, pentadbiran dan sumber kewangan.

Kebanyakan mereka juga berpandangan hukum fiqh yang dikaji oleh fuqaha terdahulu yang memutuskan kerajaan tidak boleh mengambil zakat harta batin adalah tidak sesuai lagi dengan suasana pada masa sekarang. Ini kerana harta yang dianggap zahir pada masa dahulu mungkin menjadi harta batin kalau mengikuti suasana zaman sekarang, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, menurut mereka cara mengatasinya ialah dengan menyerahkan urusan zakat kepada pemerintah. Pemerintah dengan perundangan yang lengkap boleh mengambil semua jenis zakat tanpa berkecuali. Antara fuqaha yang mendokong pendapat ini ialah Syeikh Abdul Wahab Khallaf, Syeikh Abdul Rahman Hassan dan Syeikh Muhammad Abu Zahrah, kemudian diikuti oleh Yusuf al-Qaradhawi dan beberapa orang lagi yang menulis tentang perkara ini. Gelombang perubahan ini begitu kuat sehingga sukar ditepis lagi dan beberapa negara Islam telah merangka peruntukan undang-undang tentang zakat yang menyokong pandangan ini.

Berikut dinyatakan beberapa kebaikan yang diperoleh daripada penyerahan semua urusan zakat (zahir dan batin) kepada pemerintah, iaitu:

- a. Menjamin zakat dapat dipungut daripada semua orang yang layak menunaikannya.
- b. Hasilan zakat akan bertambah dengan banyak yang tentu akan menguntungkan umat Islam seluruh negara.
- c. Pembelaan kepada asnaf yang layak menerima zakat akan dapat dilakukan secara teratur dan sistematik.

## 2. Hukum *Qada' Zakat*

Para fuqaha pernah membincangkan tentang hukum zakat yang tidak sempat dibayar pada tahun semasa sehingga berlalu beberapa tahun tanpa ditunaikan hak tersebut. Adakah gugur kewajipan berzakat dengan sebab berlalunya masa? Jawapannya ialah zakat merupakan hak yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada orang fakir, miskin dan asnaf lain yang layak menerimanya.

Sehubungan itu, kewajipan berzakat tidak gugur dengan berlalunya masa bahkan ia tetap wajib dan sabit terhadap orang yang mampu untuk menunaikannya.<sup>4</sup>

Dalam hal ini Imam al-Nawawi berkata, “Apabila berlalu beberapa tahun sedangkan zakat yang sepatutnya tidak ditunaikan maka wajiblah bagi orang yang berkenaan mengeluarkan zakat kesemuanya, sama ada pada masa itu dia mengetahui kewajipan berzakat atau tidak, atau dia berada di negara Islam atau kafir. Inilah pendapat mazhab kami (Syafie)”.<sup>5</sup>

Ibn Munzir pula berkata, “Menurut pendapat Mazhab Syafie, satu pendapat dalam mazhab Maliki dan Abu Thaur, sekiranya sesebuah negeri dikuasai oleh penderhaka dan penduduk negeri tersebut tidak menunaikan zakat selama beberapa tahun, maka apabila negeri tersebut dimenangi balik oleh pemerintah yang sah hendaklah dipungut kembali zakat-zakat yang tertunggak sebelum itu”.<sup>6</sup>

Abu Muhammad bin Hazm pula menyatakan di dalam kitabnya *al-Muhalla*, “Sesiapa yang berkumpul pada hartanya dua jenis zakat atau lebih sedangkan dia masih hidup maka hendaklah ditunaikan kesemuanya pada setiap tahun mengikut bilangan yang wajib baginya, sama ada pengumpulan zakat itu terjadi kerana kejahilannya atau kelambatan amil memungut zakat atau kerana dia melarikan hartanya sebelum itu”.<sup>7</sup>

Dalam masalah individu yang tidak membayar zakat (sedangkan beliau mampu menunaikan zakat) sehingga dia meninggal dunia. Jumhur fuqaha iaitu Imam Malik, Syafie, Ahmad, Ishak, Abu Thaur, Ibn Munzir, yang diriwayatkan daripada Ata’, al-Hasan, dan Zuhri menyatakan kewajipan berzakat tidak gugur dengan sebab kematian tersebut seperti kewajipankewajipan lain (contoh, haji dan kafarah). Sehubungan itu, zakat tetap wajib sama ada individu tersebut mewasiatkannya atau tidak.<sup>8</sup>

---

<sup>4</sup> al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld 2, hlm. 832.

<sup>5</sup> al-Nawawi, *al-Majmu’*, jld. 5, hlm. 221.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld 2, hlm. 833. 8

*Al-Mausu’ah al-fiqhiyah*, jld.23, hlm. 296.

## FATWA KEDUA

### HUKUM PERADUAN SMS DAN MENYERTAINYA MENURUT PANDANGAN ISLAM

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) kali ke-64 pada 27 Julai 2004 di Putrajaya telah membincangkan Hukum Peraduan SMS Dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan:

Peraduan kuiz melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan seumpamanya adalah mengandungi unsur-unsur eksplorasi, kesamaran (tidak jelas), pertaruhan dan nasib yang tergolong dalam pengertian judi. Dari itu hukum peraduan kuiz tersebut adalah haram di sisi syarak.

#### LATAR BELAKANG

Isu ini timbul apabila ada pandangan yang meragui tentang peraduan Sistem Pesanan Ringkas/Short Message Service (SMS) melalui telefon bimbit yang semakin meningkat dengan menawarkan hadiah yang lumayan. Tawaran hadiah tersebut telah menyebabkan orang ramai yang mungkin mencecah ratusan ribu terpikat untuk menyertainya.

Jika dahulu peraduan seumpamanya memerlukan peserta mengisi borang kertas dan menghantarnya kepada syarikat berkenaan dengan membayar harga setem, tetapi kini mereka dikehendaki menghantar SMS. Ini menyebabkan pihak pengajur akan memperoleh keuntungan besar daripada caj SMS yang dikenakan terhadap para peserta pertandingan, dan pihak peserta akan membayar bil yang tinggi untuk menyertai peraduan itu.

Melihat pada cara peraduan ini dijalankan para peserta mungkin telah menyertai satu bentuk peraduan yang tidak jelas operasinya. Apa yang lebih

membahayakan sekiranya terdapat unsur judi dan penipuan dalam peraduan SMS ini di samping peserta menyimpan angan-angan pula untuk memperoleh hadiah lumayan dengan mempertaruhkan caj telefon yang dikenakan.

Judi dari segi bahasa ialah permainan dengan menggunakan anak panah. Menurut Stephen Lea dalam buku *The Individual in the Economy, A Textbook of Economic Psychology* (1987) perjudian ialah suatu kondisi di mana terdapat potensi kehilangan sesuatu yang berharga atau segala hal yang mengandungi risiko. Namun demikian, perbuatan mengambil risiko dalam perilaku berjudi, perlu dibezakan pengertiannya daripada perbuatan lain yang juga mengandungi risiko. Ketiga-tiga unsur di bawah ini mungkin dapat menjadi faktor yang membekakan perilaku berjudi dengan perilaku lain yang juga mengandungi risiko:

- a. Perjudian adalah suatu kegiatan sosial yang melibatkan pertaruhan sejumlah wang (atau sesuatu yang berharga) di mana pemenang memperolehi wang daripada yang kalah.
- b. Risiko yang diambil bergantung pada kejadian yang tidak diketahui hasilnya pada masa akan datang dan kebanyakannya ditentukan oleh perkara yang bersifat nasib dan kebetulan.
- c. Risiko yang diambil bukanlah suatu yang harus dilakukan kerana kekalahan dan kehilangan dapat dihindari dengan tidak mengambil bahagian dalam perjudian.

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa perjudian ialah perilaku yang melibatkan adanya risiko kehilangan sesuatu yang berharga dan melibatkan interaksi sosial serta adanya unsur kebebasan untuk memilih sama ada akan mengambil risiko kehilangan tersebut atau sebaliknya.

## **HUJAH DAN DALIL**

Islam tidak melarang manusia untuk mencari harta dengan syarat ia tidak terkeluar daripada ketentuan hukum yang dibenarkan oleh Islam. Ini kerana prinsip asas yang digunakan oleh Islam dalam mencari sumber rezeki adalah melalui usaha tanpa mengetepikan tanggungjawab yang telah difardukan sebagai seorang Islam.

Islam mengharamkan judi bersama-sama arak, pemujaan berhala dan tenung nasib dengan batang-batang anak panah, yang menyamakannya dengan perbuatan syaitan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ma'idah 90:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِنَّمَا الْحُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْكَمُ رِجْسٌ  
مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ.<sup>9</sup>

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. <sup>10</sup>

Merujuk kepada bayaran bil telefon atau talian untuk memasuki pertandingan, hukumnya adalah tidak harus dari segi syarak jika syarikat yang menaja wang dalam iklan-iklan dan menyediakan peraduan atau pertandingan menggunakan wang yang hasilnya daripada caj bayaran telefon atau talian. Pertandingan seperti ini merupakan salah satu daripada jenis judi ataupun *al-maisir* menurut bahasa al-Quran.

Dari satu aspek yang lain, sebab pengharaman yang jelas kepada pertandingan atau peraduan ini dan ia digolongkan dalam perjudian adalah kerana peserta yang menghubungi atau menggunakan talian telefon untuk menyertainya membayar bayaran yang lebih tinggi daripada caj bayaran biasa untuk setiap minit. Sekiranya peserta membayar dcaj bayaran yang biasapun, ia masih juga tergolong sebagai judi atau pertaruhan kerana dia membuat panggilan dan sanggup membayar bil telefon itu dengan tujuan memperoleh kemenangan.

---

<sup>9</sup> al-Quran, Surah al-Ma'idah, 5:90

<sup>10</sup> Semua terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Quran*, 1995, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Akibat daripada peraduan yang tidak jelas ini juga dikhawatiri akan menimbul rasa tidak puas hati pada pihak para peserta yang akhirnya menimbulkan permusuhan, pergaduhan dan sebagainya terhadap penganjur peraduan tersebut. Ini berdasarkan peringatan Allah SWT dalam surah al-Ma`idah ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَن يُوقَعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَيْرِ  
<sup>11</sup>  
وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدُّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ...

Maksudnya:

Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran arak dan judi itu dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan sembahyang.

Ulama telah meletakkan beberapa syarat yang wajib dihindari supaya sesuatu peraduan itu tiada unsur judi seperti berikut:

- a. Tidak berlaku persetujuan antara penganjur dengan mana-mana syarikat telekomunikasi; sebagai satu cara untuk mendapat untung mereka.
- b. Peraduan itu tidak mengenakan bayaran untuk disertai sama ada bayaran itu dengan cara tertentu atau melalui pertambahan kos perbualan jika peraduan itu diadakan melalui telefon.
- c. Peraduan itu mestilah dalam perkara yang berfaedah sebaliknya bukan dalam bentuk soalan berkenaan filem dan seumpamanya.
- d. Peraduan itu tidak bertujuan untuk mengambil harta orang ramai yang menyertainya kerana berharap kepada hadiah yang lumayan seterusnya membawa kepada pembaziran wang atau harta.

---

<sup>11</sup> al-Quran, Surah al-Ma`idah, 5:91

### FATWA KETIGA

## HUKUM BERMUAMALAH DENGAN BANK-BANK PERDAGANGAN

### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, kali ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 di Kedah telah membincangkan Hukum Bermuamalah Dengan Bank-Bank Perdagangan. Muzakarah memutuskan:

1. Bekerja di bank atau institusi kewangan hukumnya harus.
2. Pinjaman bank atau institusi kewangan adalah haram hukumnya kecuali kerana terpaksa bagi memenuhi keperluan asas yang terdesak.
3. Menyimpan wang di bank dengan tidak mengambil faedah hukumnya harus.
4. Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
5. Menerima berbagai-bagai-bagai bentuk hadiah dan pemberian dari bank dan institusi kewangan seperti biasiswa adalah harus hukumnya.
6. Menyewakan bangunan kepada bank adalah haram.
7. Memegang saham bank yang mengamalkan riba adalah haram. Dari segi hukum syarak, Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak boleh menyerahkan wang daripada akaun tidak aktif bagi pendeposit-pendeposit Tabung Haji kepada pendaftar wang yang tak dituntut.

### LATAR BELAKANG

Isu ini dibangkitkan oleh orang ramai yang masih kurang jelas tentang hukum bermuamalah dengan bank seperti mempunyai saham bank, bekerja, menyimpan, meminjam dan menyewakan bangunan dan perkara-perkara yang berkaitan.

Bermuamalah ialah satu proses perhubungan atau pengurusan antara dua pihak iaitu antara pelanggan atau pihak-pihak yang berkepentingan dengan bank. Antara bentuk muamalah adalah seperti pekerja, peminjam, penyimpan akaun (tetap, semasa, dan pelaburan), pemberi sewa bangunan dan pemegang saham bank.

Bank ialah satu institusi kewangan yang berfungsi menerima simpanan dan mengeluarkan pinjaman dengan tujuan mendapat keuntungan. Bank yang dimaksudkan di sini ialah bank-bank perdagangan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang di dalamnya terdapat unsur-unsur riba.

Pada tahun 1993 secara umumnya bank di Malaysia dan keseluruhan bank di dunia mengamalkan aktiviti-aktiviti yang berasaskan riba. Buat masa ini, di Malaysia telah wujud bank-bank perdagangan seperti Malayan Banking, Bank Bumiputera<sup>12</sup>, Bank Rakyat dan UMBC yang mengadakan sistem dualisme iaitu sistem perbankan biasa yang di dalamnya terdapat elemen-elemen yang mengenakan faedah atau riba, dan sistem perbankan tanpa faedah atau riba. Begitu jugalah halnya berkaitan dengan hukum bekerja dengan bank, hukum meminjam daripada bank, hukum menyimpan wang, hukum memberi sewa bangunan dan hukum memegang saham bank.

## **HUJAH DAN DALIL**

Secara umum asas-asas pertimbangan perlu diambil kira dalam menentukan sesuatu hukum, antaranya:

- a. Sistem kewangan di Malaysia rata-rata berteraskan riba kerana terikat dengan sistem ekonomi dunia yang tidak dapat lari dari mengamalkan sistem riba.
- b. Manusia memerlukan pekerjaan untuk menyara kehidupan harian seperti makanan, minuman, pakaian, kendaraan dan tempat tinggal.
- c. Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) belum lagi meluas operasinya dan masih dalam peringkat percubaan.

---

<sup>12</sup> Kini dikenali sebagai bank CIMB

- d. Kedudukan ekonomi orang Islam memerlukan pinjaman bank untuk keperluan sendiri seperti membeli rumah dan sebagainya.
- e. Agama Islam menggalakkan umatnya berusaha dan jika mereka tidak berusaha, ekonomi negara akan dimonopoli oleh bangsa asing dan umat Islam akan dipandang rendah. Ekonomi mereka juga bergantung pada bangsa asing.

## 1. Hukum Bekerja Dengan Bank Adalah Harus Berdasarkan<sup>13</sup>

Antara alasan yang mengharuskan bekerja di bank adalah seperti berikut:

- a. Tidak semua amalan di bank melibatkan unsur-unsur riba.
- b. Kekayaan negara akan dimonopoli oleh bangsa asing sekiranya umat Islam tidak terlibat dalam sistem perbankan; dan
- c. Keperluan dalam menyara kehidupan. Allah berfirman:

<sup>14</sup> ... فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ .

Maksudnya:

Maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya, dan tidak pula melampaui batas pada benda yang dimakan itu, maka tidaklah berdosa. Sesungguhnya Allah SWT maha pegampung lagi maha penyayang.

## 2. Hukum Meminjam Daripada Bank

Hukum meminjam wang daripada bank dapat dilihat kepada alasan berikut:

- a. Resolusi pertama Persidangan Islam anjuran Akademi Penyelidikan Islam di Kaherah pada bulan Mei 1965 mengatakan faedah yang

---

<sup>13</sup> Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fatawa Mua'sarah*, Kuwait, t.tp, terj. hlm. 609-611.  
<sup>14</sup> al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:173.

- dikenakan atas segala jenis hutang ialah riba yang diharamkan.<sup>15</sup>
- b. Resolusi pertama Pertubuhan Persidangan Islam yang mengadakan muktamar di Jeddah pada 22-28 Disember 1985 menyebut, “*Setiap pertambahan atau faedah ke atas hutang yang tiba tempohnya sedangkan pemutang gagal membayarnya, demikian juga tambahan (faedah) ke atas hutang pada permulaan akad; kedua-dua bentuk ini ialah riba yang diharamkan di sisi syarak.*”<sup>16</sup>
  - c. Walau bagaimanapun jika seseorang terpaksa membuat pinjaman atas dasar terpaksa atau keperluan yang mendesak seperti pinjaman membeli rumah yang merupakan asas penting maka diharuskan berdasarkan setakat mana keperluannya. Ini berdasarkan kaedah fiqh iaitu:

<sup>17</sup> الضرورة تقدر بقدرها

Maksudnya:

Darurat itu diukur setakat mana keperluannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 173:

<sup>18</sup> ... فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

Maksudnya :

Maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya, dan tidak pula melampaui batas pada benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa.

---

<sup>15</sup> Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fawaaid al-bunuk hiya al-riba al-haram*, Dar al-Wafa, Beirut, t.t.p, hlm.129.

<sup>16</sup> Ibid. hlm. 135.

<sup>17</sup> Mohammad Bakr Ismail, *al-Qawaaid al-fiqhiyyah bain al-'asalah wa al-taujih*, Dar al-Manar, Misr, 1997, hlm. 78. Abd al-Karim Zaidan, *al-Wajiz fi sharh al-qawaaid al-fiqhiyyah fi al-syari'ah al-Islamiyyah*, Muassasah al-Risalah, Beirut 2003, hlm. 73.

<sup>18</sup> al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:173

### **3. Hukum Menyimpan Wang Di Bank**

Hukum menyimpan wang di bank adalah seperti berikut:

- a. Menyimpan wang semata-mata adalah harus, contohnya seperti menyimpan dalam akaun semasa, akaun tetap dan pelaburan atas dasar wadiyah dan tidak mengambil faedah; dan
- b. Menyimpan dengan tujuan mengambil faedah adalah haram. Namun demikian, faedah yang diperoleh daripada hasil simpanan tidak wajar ditinggalkan kepada pihak bank, tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.<sup>19</sup>

### **4. Hukum Memberi Sewa Bangunan**

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 pada 11-12 April 1984 tentang persoalan Tabung Haji memberi sewa bangunannya kepada institusi kewangan yang tidak mengikut Islam adalah seperti berikut:

Tabung Haji berkongsi dagang dengan pihak yang menjalankan perniagaannya bukan mengikut lunas-lunas Islam dan menyewakan bangunannya kepada bank tersebut atau institusi kewangan tersebut adalah haram hukumnya.

### **5. Hukum Memegang (Memiliki) Saham Bank**

Berdasarkan muamalah yang dijalankan oleh bank maka pemegang saham terlibat dengan muamalah riba yang diharamkan oleh syarak.

---

<sup>19</sup> Al-Qaradhawi, *Fawaaid al-bunuk hiya al-riba al-haram*, hlm. 605-608.

## FATWA KEEMPAT

### HUKUM TERHADAP PRODUK *INVESTMENT LINK* MENURUT ISLAM

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006, di Kuala Lumpur telah membincangkan Hukum Terhadap Produk *Investment Link*. Muzakarah telah memutuskan:

Umat Islam hari ini mempunyai banyak alternatif untuk membeli atau melabur dalam produk-produk insurans yang berlandaskan syariah. Oleh itu, pembelian produk-produk *Investment Link* yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan oleh umat Islam.

#### LATAR BELAKANG

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima pertanyaan daripada orang ramai berhubung dengan hukum penyertaan dalam produk *Investment Link* yang ditawarkan oleh syarikat insurans konvensional di negara ini. Isu ini juga timbul di Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia yang diadakan di Hotel Pan Pacific KLIA Sepang.

*Investment Link* (produk yang berkaitan dengan pelaburan) ialah program tabungan berasaskan pelaburan saham secara berkelompok yang pemilikannya dikira mengikut jumlah unit seperti saham amanah dan digabungkan pula dengan manfaat insurans nyawa (*life insurance*). Dengan kata lain, wang caruman insurans (*premium*) dilabur untuk memperoleh keuntungan dan pada masa yang sama peserta turut mendapat jaminan perlindungan melalui produk insurans nyawa, jika ditakdirkan sesuatu musibah menimpa peserta atau pemiliknya.

Maklumat berkaitan produk Investment Link adalah seperti berikut:

- a. Faedah utama produk : antara faedah utama ialah perlindungan kewangan akibat kematian dan keilatan kekal. Peluang-peluang pelaburan. Fleksibel dalam memilih perlindungan yang dikehendaki.<sup>20</sup>
- b. Syarikat-syarikat yang menawarkan produk: Di Malaysia, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Maybank Takaful menawarkan produk Investment Link yang mematuhi syariah. Syarikat-syarikat ini melabur dalam sekuriti lulus syariah dan menawarkan perlindungan takaful.<sup>21</sup> Syarikat-syarikat insurans konvensional yang menawarkan produk ini ialah AM-Assurancelink, AIA Co. Ltd dan Great Eastern Life Assurance (M) Bhd.<sup>22</sup>
- c. Perbezaan operasi syarikat-syarikat dalam menguruskan produk:

	TAKAFUL MALAYSIA <sup>23</sup>	GREAT EASTERN <sup>24</sup>
Akad Investment Link T antara syarikat dan peserta	Akad yang digunakan Takaful Malaysia berasaskan akad <i>wakalah bil-ujrah</i>	Akad yang digunakan ialah akad jual beli insurans yang mempunyai unsur <i>gharar</i> , <i>riba</i> dan <i>judi</i>
Pelaburan	Pelaburan melibatkan kaunter-kaunter lulus syariah sahaja	Pelaburan terutama dana amanah Islam (dana restu) melibatkan kaunter lulus syariah
Jawatankuasa Syariah	Takaful Malaysia mempunyai Jawatankuasa Syariah peringkat organisasi untuk memantau pelaburannya.	Great Eastern tidak mempunyai Jawatankuasa Syariah peringkat organisasi untuk memantau pelaburannya.
Akta yang mengawal	Takaful Malaysia beroperasi berasaskan Akta Takaful 1984 dan Peraturan-peraturan (Akta 312)	Great Eastern beroperasi berasaskan Akta Insurans 1996 (Akta 546).

20 Maybank2u.com, <<http://www.maybank2u.com.my/consumer>>.

21 Mohd Azmi Omar, *Takaful Fund & Investment: Analysis & Prospects*. Dibentangkan di Course on Takaful (Islamic Insurance), anjuran Center for Research and Training (CERT), 29-30 March 2006. hlm. 4.

22 Ibid.

23 Takaful Malaysia Berhad, <<http://www.takaful-malaysia.com>>.

24 Great Eastern, <<http://www.lifeisgreat.com.my>>.

## **HUJAH DAN DALIL**

Isu syariah yang timbul dalam *Investment Link* ialah sebahagian wang caruman (*premium*) peserta digunakan untuk membeli polisi insurans konvensional dan sebahagian yang lain dilabur dalam pelaburan saham amanah Islam. Dalam erti kata lain peserta mencarum misalnya RM100 sebulan, sejumlah RM55 digunakan untuk caruman polisi insurans konvensional manakala baki RM45 digunakan untuk melabur dalam saham amanah Islam. Oleh yang demikian, penentuan hukum berdasarkan prinsip-prinsip syariah dan keputusan fatwa yang telah ditetapkan seperti berikut:

### **a. Keputusan Fatwa**

Keputusan fatwa berkaitan insurans (konvensional) telah diputuskan pada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bertarikh 15-16 Februari 1979. Keputusan fatwa tersebut ialah:

Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu matlamat yang fasad kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu: mengandungi *gharar* (ketidaktentuan); mengandungi unsur judi; mengandungi muamalah riba.

Berdasarkan keputusan fatwa ini, kontrak insurans yang wujud pada hari ini adalah haram hukumnya. Sehubungan itu, perlindungan insurans konvensional yang digabungkan dalam produk *Investment Link* adalah bercanggah dengan hukum syarak.

### **b. Suruhanjaya Sekuriti**

Peraturan Suruhanjaya Sekuriti menyatakan mana-mana syarikat yang ingin melaburkan wang saham amanahnya dalam sekuriti lulus syariah hendaklah melantik Jawatankuasa Syariah bagi mengawasi dan memastikan pelaburannya berlandaskan prinsip syariah.<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup> Security Commission, Guidelines On Unit Trusts Funds, <<http://www.cs.com.my>>.

Dalam konteks ini Takaful Malaysia dan Maybank Takaful mempunyai Jawatankuasa Penasihat Syariah masing-masing bagi memantau pelaburan yang dibuat manakala syarikat insurans konvensional pula tidak menubuahkan Jawatankuasa Syariah kerana Akta Insurans 1993 tidak mengkehendaki berbuat demikian. Walaupun syarikat ini mendakwa pelaburan *Investment Link* mereka adalah lulus syariah dan merujuk kepada Jawatankuasa Syariah syarikat atau bank lain, tetapi disebabkan ketiadaan Jawatankuasa Syariah dalaman di peringkat organisasi sebagaimana yang disyaratkan oleh *Guideline On Unit Trusts* menyebabkan dakwaan ini sukar diterima.

## FATWA KELIMA

### HUKUM PELABURAN TERHADAP SYARIKAT SWISS CASH MUTUAL FUND

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007, di Terengganu telah membincangkan Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat Swiss Cash Mutual Fund. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti Swiss Cash Mutual Fund dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan *gharar*. Oleh itu, umat Islam dilarang terlibat dengan pelaburan seumpama ini kerana banyak alternatif lain berlandaskan Islam yang boleh disertai oleh umat Islam.

#### LATAR BELAKANG

Pelaburan melalui internet (*e-commerce*) semakin mendapat tempat di kalangan orang awam termasuk umat Islam sendiri. Sehubungan itu, timbul persoalan di kalangan masyarakat berkaitan dengan hukum pelaburan melalui internet atau *e-commerce*, projek pembangunan, *hedging*, ekuiti, tukaran wang asing (*forex*), perniagaan komoditi dan instrumen lain.<sup>26</sup>

Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti/*Securities Commission* (SC) telah menyatakan bahawa Swiss Cash bukan sebuah badan pelaburan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk mengutip deposit daripada orang ramai tanpa kelulusan BNM dan tidak pernah diberikan lesen oleh SC untuk

---

<sup>26</sup> Swiss Mutual Fund, <[http://www.swisscash.net/web/sff\\_sip.aspx](http://www.swisscash.net/web/sff_sip.aspx)>. (Diakses pada 6 Mac 2007)

menjalankan kegiatannya di Malaysia.<sup>27</sup>

Skim pelaburan Swiss Cash dikendalikan oleh Syarikat Swiss Cash Mutual Fund diketuai oleh Michael Mansfield. Swiss Cash merupakan satu pelaburan yang menawarkan pulangan sehingga 300% dalam tempoh pelaburan selama 15 bulan. Pelaburan tersebut ditawarkan kepada para warganegara Malaysia, Singapura, dan Indonesia di mana penganjur skim ini mendakwa bahawa dana pelabur disalurkan ke dalam aktiviti perniagaan yang merangkumi cari gali minyak, serta perkapan dan pertanian di Republik Dominica.

Ciri-ciri pelaburan Swiss Cash bagi mengenal pasti asama ada ia bertepatan ataupun tidak dengan kehendak syariah adalah seperti berikut:<sup>28</sup>

- a. Pelaburan Swiss Cash dijamin kadar keuntungannya atau *Guaranteed Fixed Return*. Sebagai contoh yang diambil dari laman web Swiss Cash sendiri, untuk pelaburan berjumlah antara USD 1,000,00 hingga USD 100,000 pelabur dijamin pulangan 20% untuk setiap 30 hari. Manakala pulangan pelaburan dari segi amaun kewangan pula ialah jika modal pelaburan sebanyak USD 100,000 dilaburkan selama 450 hari, jaminan pulangan ialah sebanyak USD 300,000. Di samping itu, pelaburan Swiss Cash memerlukan pelabur meletakkan wang deposit pelaburan ke dalam Syarikat Swiss Cash (institusi kewangan). Dalam masa yang sama juga pelabur dijanjikan faedah yang disyaratkan;
- b. Dari segi pembahagian keuntungan antara pelabur dengan syarikat ini, pelabur telah ditentukan terlebih dahulu keuntungan mengikut bentuk jumlah iaitu USD 300,000 dan bentuk peratusan kepada modal iaitu sebanyak 20%.
- c. Swiss Cash mempromosikan pelaburannya dalam minyak, gas, *hedging, commodity futures and forex* bagi meraih keuntungan. Salah satu bidang perniagaan Swiss Cash ialah pertukaran mata wang asing (*forex* atau *money market*).

---

<sup>27</sup> Amaran Mengenai Swiss Cash atau Swiss Mutual Fund. Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia, 5 September 2006.

<sup>28</sup> Swiss Mutual Fund, <[http://www.swisscash.net/web/sff\\_sip.aspx](http://www.swisscash.net/web/sff_sip.aspx)>. (Diakses pada 6 Mac 2007).

- d. Swiss Cash tidak mempunyai Jawatankuasa Penasihat Syariah. Ini adalah kerana ia merupakan syarikat pelaburan konvensional dan tidak memerlukan jawatankuasa ini untuk mengawasi segala aktiviti pelaburan.

## HUJAH DAN DALIL

Berdasarkan ciri yang pertama, bentuk pelaburan yang dijamin keuntungan dari segi syarak termasuk salah satu daripada dua bentuk iaitu *qard* atau pinjaman dengan faedah yang disyaratkan yang mana ia adalah riba. Kedua ialah akad *mudharabah* yang rosak syarat-syaratnya. Dalam akad *qard*, manfaat atau hadiah atau jaminan pulangan tidak boleh disyaratkan kerana membawa kepada riba. Ini berdasarkan Hadis Rasulullah SAW :

<sup>29</sup> قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مُنْفَعَةً فَهُوَ رِبَاٌ

*Maksudnya:*

Setiap pinjaman yang membawa manfaat (faedah) maka ia ialah riba.

(Hadis riwayat Baihaqi)

Pandangan ulama dalam perkara ini adalah seperti berikut:

- a. Ibn Qudamah mengatakan setiap *qard* yang disyaratkan padanya pertambahan, maka ia adalah haram tanpa *khilaf*.<sup>30</sup>
- b. Pendapat *rajih* di kalangan ulama Hanafi menyatakan setiap *qard* yang disyaratkan manfaat, maka ia adalah haram.<sup>31</sup>
- c. Pandangan mazhab Maliki adalah haram mengambil sesuatu faedah

---

<sup>29</sup> *Nayl al-awtar*, jil.5, hlm. 262. *Sunan al-kubra lil Baihaqi*, jld.5, hlm.349. Hadis ini walaupun *dhaif*, tetapi para ulama sepakat (*ijma'*) beramal dengan kehendak dan maksudnya.

<sup>30</sup> Ibn Qudamah, Abu 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad, *al-Mughni wa sharh al-kabir 'ala matn al-mughni fi al-fiqh al-imam Ahmad ibn Hanbal*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, t.th, jld.4, hlm. 390.

<sup>31</sup> al-Zuhayli, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, Dar al-Fikr, Dimashk, 1994, jid.4, hlm.724.

- daripada harta orang yang berhutang seperti menunggang binatang tunggangannya.<sup>32</sup>
- d. Mazhab Shafie dan Hanbali bersepakat untuk tidak mengharuskan hutang yang ada manfaat.<sup>33</sup>
  - e. Majlis Penasihat Syariah BNM menyatakan hibah tidak boleh disyaratkan atau dijanjikan dalam kontrak pinjaman (*qard*) dan wadiah kerana ia boleh membawa elemen riba.<sup>34</sup>

Berdasarkan pandangan ulama, para pelabur telah memberi pinjaman kepada Syarikat Swiss Cash dan syarikat ini menjanjikan pulangan tetap. Pulangan ini ialah *naf'an* (manfaat) yang merupakan riba yang diharamkan.

Berdasarkan ciri yang kedua, pembahagian keuntungan berkait rapat dengan akad *mudharabah*. Ulama bersepakat bahawa kontrak pelaburan (*mudharabah*) yang menjamin keuntungan adalah tidak sah dari segi syarak. Antara pandangan ulama ialah:

- a. Ibn Abidin mengatakan bahawa keuntungan antara kedua-dua pihak hendaklah fleksibel (anjal). Kalau ditetapkan satu kadar, maka rosaklah (akad *mudharabah* itu).<sup>35</sup>
- b. Al-Kasani berpendapat sekiranya kedua-dua pihak (*rabb al-mal* dan *mudharib*) mensyaratkan bilangan tertentu seperti mensyaratkan salah seorang mendapat seratus dirham keuntungan atau lebih dan bakinya diberikan kepada pihak satu lagi maka ia tidak dibenarkan.<sup>36</sup>
- c. Dr Yusuf al-Qaradhawi menyatakan sekiranya menetapkan kepada pelabur keuntungan yang dijamin tidak bertambah dan berkurangan, walaupun keuntungan mungkin berlipat kali ganda atau kerugian yang merudum maka ia menafikan keadilan yang jelas nyata dan ini adalah roh riba yang keji.<sup>37</sup>

---

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Kompilasi Keputusan Majlis Penasihat Syariah Kewangan, Bank Negara Malaysia.

<sup>35</sup> Ibn Abidin, Muhammad Amin Ibn Mukhtar Ibn 'Abd Aziz, *Hasyiah rad al-mukhtar 'ala al-dur al-mukhtar*, Dar al-Fikr, Beirut, 1966, jld. 5, hlm. 648.

<sup>36</sup> al-Kasani, 'Ala al-Din Abi Bakr Ibn Mas'ud, *Bada'i al-sana'i fi tartib al-shara'i*, Matba'ah al-'Asimah, Kaherah, t.th, jld. 8, hlm. 3602.

<sup>37</sup> al-Qaradhawi, Yusuf *al-Halal wa al-haram fi al-Islam*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1988, hlm. 260.

- d. Jaminan untung dalam kontrak pelaburan disepakati ulama sebagai haram kerana ia ialah riba. Hadis Rasulullah SAW menyebut :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْخَرَاجُ

<sup>38</sup>  
بِالضمَانِ

Maksudnya:

(Bagi mendapatkan) keuntungan (hasil pelaburan) mestilah dengan menghadapi risiko (bermakna tiada untung tetap yang dijanjikan dan pelabur mesti menjamin keelokan barang yang dijual jika melibatkan jual beli).

Berdasarkan hujah di atas ia menunjukkan pelaburan Swiss Cash dianggap sebagai akad *mudharabah* yang rosak syaratnya kerana tidak menepati hukum dalam pembahagian keuntungan iaitu tidak ditentukan dengan kadar atau nisbah tertentu seperti 70:30 atau 1:3 daripada keuntungan bersih setelah ditolak segala perbelanjaan *mudharabah* dan sebagainya. Pelaburan yang menjamin keuntungan tetap ialah pinjaman dengan riba.

Berdasarkan ciri yang ketiga, perdagangan pertukaran mata wang asing diharuskan oleh syarak tetapi tertakluk kepada garis panduan yang mesti dipatuhi iaitu *qabd* (serah dan terima) dalam waktu yang sama secara ‘*hakiki*’ atau ‘*hukmi*’ sebagai (*yadan biyadin*) berdasarkan Hadis Rasulullah SAW :

عَنْ عَبَادَةِ بْنِ الصَّامتِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْذَّهَبُ بِالذَّهْبِ

وَالْفَضْةُ بِالْفَضْةِ وَالْبَرْ بِالْبَرِ وَالشَّعْرَرُ بِالشَّعْرَرِ وَالثَّمْرُ بِالثَّمْرِ وَالملحُ بِالملحِ مثلاً بِمثْلِ

سُوَّا بِسُوَّا يَدَا يَدِ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الأَصْنَافُ فَبَيْعُوا كَيْفَ شَتَّمْ إِذَا كَانَ يَدَا يَدِ<sup>39</sup>

---

38 *Sunan Abu Daud*, No. Hadis: 3510, Bab Fi Man Isytara `Abdan, jid. 3; *Sahih Ibn Hibban*, No. Hadis: 4927: Bab Khiyar al-`Aib, jil. 11; Shu`aib Al-Arnaut berkata hadis ini *hasan lighairih*. Riwayat al-Shafie, Ibn Hibban, Abu Daud: no 3508; Albani : Hasan.

39 Muslim bin a-Hajjaj. *Sahih Muslim*, Mustafa al-Halabi, Kaheraht.th, jld. 3, hlm. 1211. No. Hadis: 4147 Bab Sarf Wa Bai' al-Zahab.

Maksudnya:

Emas dengan emas, perak dengan perak, bijian dengan bijian, gandum dengan gandum, tamar dengan tamar, mestilah sama timbangan dan sukatannya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual belilah kamu sebagaimana yang disukai sekiranya ditukar secara terus.

Perdagangan tukaran mata wang asing yang diuruskan sistem kewangan konvensional menggunakan *forward forex* atau *forex* yang menggunakan *value forward* (nilai masa hadapan) serta tidak menjaga syarat *qabd* menyebabkannya menjadi riba *nasi'ah*. Antara fatwa keharusan *forex* adalah tertakluk kepada syarat *qabd* atau *al-taqabud* atau *yadan biyadin*, bukan secara mutlak:

- a. Keputusan Fatwa Negeri Perak menyatakan: Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada 22 Muharram 1425H bersamaan 3 Mac 2005 bersetuju bahawa hukum perniagaan mata wang asing adalah harus dengan syarat *al-Taqabud*.
- b. Fatwa *Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah bi al-Azhar al-Sharif* menyatakan harus membeli satu mata wang dengan mata wang yang lain yang berbeza nilai dan jenis seperti membeli Dollar Amerika dengan Euro Eropah berdasarkan Hadis Rasulullah SAW dalam Sahih Muslim iaitu:

‘...apabila berlainan jenis, maka berjual belilah kamu sebagaimana yang disukai sekiranya *yadan biyadin*...’<sup>40</sup>

Dalam Swiss Cash, perjalanan perdagangan *forex* tidak dipantau badan syariah menyebabkannya menggunakan instrumen *forex* tanpa sebarang ikatan syarat yang ditetapkan syariah. Tanpa syarat *qabd*, transaksi antara mata wang dengan mata wang secara bertangguh menyebabkan berlakunya riba *nasi'ah* yang diharamkan.

Dalam ciri yang keempat pula, peraturan yang diamalkan di Malaysia dalam sistem perbankan, kewangan dan pasaran modal Islam menyatakan mana-mana bank atau syarikat yang ingin mewujudkan sistem perbankan Islam atau melaburkan dana mereka dalam mana-mana sekuriti lulus syariah, wajib dan hendaklah melantik Jawatankuasa Penasihat Syariah dalaman bagi mengawasi dan memastikan produk-produk perbankan dan pelaburan berlandaskan prinsip syariah. Walau bagaimanapun Syarikat Swiss Cash tidak mempunyai Jawatankuasa Penasihat Syariah kerana ia merupakan syarikat pelaburan konvensional sekali gus menyebabkan segala aktiviti pelaburan mereka tidak diawasi agar sentiasa menepati kehendak syariah.

## FATWA KEENAM

### HUKUM WAKAF BAGI TANAH BERTARAF HAK MILIK TERHAD

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 telah membincangkan Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhad. Muzakarah memutuskan bahawa:

Mewakafkan tanah hak milik terhad (*leasehold*) adalah sah dan diterima oleh syarak.

#### LATAR BELAKANG

Isu wakaf bagi tanah bertaraf hak milik terhad ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-43, pada 9 Februari 2004. Pemilikan tanah kerajaan berasaskan Akta Kanun Tanah Negara (KTN) iaitu salah satu kaedah pelupusan tanah oleh pihak berkuasa negeri. Seksyen 76 (a) menjelaskan pemberian milik tanah dengan cara pelupusan tidak boleh lebih daripada sembilan puluh sembilan tahun. Pemberian milik terhad ini menjadikan taraf hak miliknya terhad<sup>41</sup> (*leasehold*). Kedudukan tanah *leasehold* apabila tamat tempoh pemberimilikan akan kembali menjadi hak milik kerajaan mengikut peruntukan dalam Seksyen 46(1) (a) (KTN).

Kedudukan tanah pemilikan terhad; apabila tamat tempoh pemberimilikan harta berkenaan akan kembali menjadi hak milik kerajaan. Kerajaan boleh

---

<sup>41</sup> Pemilikan tanah di Malaysia terbahagi kepada dua kategori iaitu, *freehold* (pegangan bebas) dan *leasehold* (hak milik terhad). *Freehold* ialah tanah yang hak miliknya adalah kekal, manakala *leasehold* pula ialah hak milik terhad yang diberikan kerajaan secara pajakan dan pemiliknya perlu membayar premium kepada kerajaan untuk memperbaharu hak milik tanah tersebut selepas tamat tempoh pajakan.

menganugerahkan hak milik tanah yang telah tamat tempoh pemilikan kepada agensi atau orang yang memohon serta membayar premium untuk pemilikan selanjutnya.

Disebabkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf, lazimnya pembaharuan pemilikan bagi tanah wakaf *leasehold* diuruskan oleh MAIN, termasuk bayaran premium pemilikan. Sekiranya pembaharuan pemilikan dibuat oleh MAIN, adakah keadaan ini ada implikasi kepada konsep wakaf tanah berstatus *leasehold* sebagai sumber sedekah jariah yang mendatangkan ganjaran pahala berterusan kepada pewakaf, selama mana harta tersebut wujud?

### **HUJAH DAN DALIL :**

Imam Shafie dan jumhur ulama berpendapat bahawa salah satu syarat wakaf ialah harta tersebut mestilah satu harta yang kekal. Menurut mazhab Shafie wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat dengannya, serta dikekalkan *ain* fizikalnya, dengan memutuskan hak urusan yang dimiliki oleh pewakaf berkaitan seperti pusaka, wasiat, hibah, dan jual beli. Pengurusan wakaf di Malaysia berasaskan Mazhab Imam Shafie kerana Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri berasaskan Mazhab Imam Shafie.

Menurut pendapat *Sohiban*<sup>42</sup> Imam Abu Hanifah yang merupakan pendapat yang difatwakan di kalangan Hanafiah dan pendapat yang lebih kuat dalam Mazhab Shafie dan Hanbali, wakaf ditakrifkan sebagai menahan harta yang di ambil faedah daripadanya dengan mengekalkan *ain* harta. Pendapatan, perolehan atau manfaat harta wakaf itu akan dibelanjakan untuk kebaikan dan kebijakan serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, bahkan menjadi hak Allah SWT (tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa pun).

Apabila kita melihat dalam Kanun Tanah Negara yang memberi pengecualian dalam urusan wakaf dan Baitulmal sebagaimana dalam Akta no. 56 Tahun 1965 Seksyen 4 (2): “Kekecualian setakat mana yang diperuntukkan

---

<sup>42</sup> Ahmad Hassan al-Syaibani dan Zufar.

dengan nyata sebaliknya, tiada apa juga dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan (e) mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa tentang wakaf atau baitulmal". Seksyen 76 (aa) Kanun Tanah Negara, memperuntukkan bahawa "Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati ia digunakan untuk kepentingan awam". Manakala Seksyen 76 (aa) (iii) pula memperuntukkan jika pihak berkuasa negeri berpuashati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai, maka Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal.

Kedua-dua peruntukan ini memberi ruang kepada (MAIN) untuk mendapatkan tanah kerajaan atau tanah orang awam yang diserahkan kepadanya bagi tujuan wakaf, kerana tujuan dan konsep wakaf adalah untuk kepentingan awam. Di bawah peruntukan tersebut ia memberi ruang kepada setiap tanah wakaf bertaraf *leasehold* dapat ditukar taraf menjadi *freehold* sebaik proses urusan pewakafan telah selesai. Berdasarkan peruntukan Kanun Tanah Negara isu mewakafkan tanah *leasehold* atau apa-apa bangunan, binaan, rumah yang ada di atasnya adalah jelas dan tidak timbul kerana pengecualian yang diberikan kepada harta wakaf dan baitulmal.

Kesimpulannya, mana-mana tanah *leasehold* yang diwakafkan mengikut prosedur yang ditetapkan dan baitulmal menerima harta wakaf tersebut yang diserahkan kepadanya dalam bentuk *leasehold* akan bertukar status di tangan baitulmal kepada milik kekal sebagaimana pengecualian yang jelas dalam Kanun Tanah Negara Akta no. 56 Tahun 1965 Seksyen 4 (2). Justeru, umat Islam digalakkan untuk mewakafkan harta walaupun dalam bentuk *leasehold* untuk tujuan yang murni dan amal jariah yang berkekalan.

## FATWA KETUJUH

### HUKUM ZAKAT TERHADAP FIRMA-FIRMA SYARIKAT KONSULTAN

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 di Perlis telah membincangkan Hukum Zakat Terhadap Firma-Firma Syarikat Konsultan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan, jika dimiliki bersama antara orang Islam dengan bukan Islam. Hak orang Islam sahaja yang kena zakat dan tidak ke atas milik bukan Islam.

#### LATAR BELAKANG

Isu yang dibangkitkan dalam masalah ini ialah berkaitan dengan mengenal pasti sama ada semua firma dan syarikat-syarikat konsultan wajib membayar zakat atau sebaliknya. Mengikut Kamus Dewan, konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.<sup>43</sup>

#### HUJAH DAN DALIL

Para ulama daripada kalangan sahabat, tabi'in dan para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan firman Allah SWT :

---

<sup>43</sup> *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur 1991, hlm.651

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْتُوا أَنْفُقُوا مِنْ طَبِيبٍ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا  
<sup>44</sup> لِكُمْ مِنَ الْأَرْضِ.

Maksudnya:

Wahai orang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan daripada harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi...

Para ulama mentafsirkan perkataan “*kasabtum*” dengan erti “berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia” sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat. Dalam satu hadis, Rasulullah SAW telah bersabda:

<sup>45</sup> وَلَا يُجْمِعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ ، وَلَا يُفَرِّقُ بَيْنَ مُجْمِعٍ خَشِيشَةَ الصَّدَقَةِ

Maksudnya:

Tidak boleh dihimpun antara yang terpisah dan tidak boleh dipisahkan antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)...

Daripada hadis di atas bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa terpisah antara satu sama lain. Dalam hadis lain:

عَنْ سَمْرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ قَالَ أَمَا بَعْدَ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ  
<sup>46</sup> أَنْ لَا تُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نَعْدُ لِلْبَيْعِ

Maksudnya:

Daripada Samrah katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada hasil jualan.

44 al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:267

45 Al-Hamidi, Muhammad bin Futuh, *al-Jam' Bain al-Sahihain al-Bukhari Wa Muslim*, Tahqiq, Ali Husin al-Bawwab, Dar Ibnu Hazm, Beirut, Lubnan, 1423H/2002M, jld.1, hlm.21.no. hadis 1382, bab La Yujma' Bain Mutafarriq.

46 *Sunan Abi Daud*, Bab iza kanat li al-tijarah hal fiha min zakat, no. Hadis: 1562, Isnadnya hasan gharib.

Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan maka syarikat tersebut dikenakan zakat. Syarikat ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%. Bagi syarikat yang membekalkan perkhidmatan seperti syarikat guaman, perhotelan, runding cara dan perubatan, maka syarikat-syarikat tersebut juga dianggap syarikat perniagaan. Menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qaradhawi, sekiranya kerajaan telah menu buhkan syarikat dan memberikan modal seterusnya memberinya kuasa untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut wajib membayar zakat.

## FATWA KELAPAN

### PEWARISAN HARTA DAN HARTA SEPENCARIAN YANG DILAKSANAKAN DI RANCANGAN FELDA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-38, yang bersidang pada 21 Jun 1995 di Negeri Sembilan telah membincangkan berkaitan hukum Pewarisan Harta dan Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan FELDA. Muzakarah telas memutuskan bahawa:

1. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tahun 1960 adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.
2. Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:
  - a. Harta si mati hendaklah dijual.
  - b. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris.
  - c. Hasil daripada penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid, dan
  - d. Kalau harta si mati tidak habis dibahagikan kepada waris mengikut faraid maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
3. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.

#### LATAR BELAKANG

Isu ini telah dibangkitkan oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan/*Federal Land Development Authority* (FELDA), rentetan terdapat



pihak yang mempertikaikan konsep dan kaedah pelaksanaannya kerana dikatakan tidak mengikut lunas-lunas dan hukum agama Islam. Harta sepencarian ialah harta yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan mereka. Oleh itu, sebarang harta sama ada harta alih atau tak alih yang dimiliki sebelum perkahwinan tidak dikategorikan sebagai harta sepencarian.

Pada masa ini (1995) belum ada lagi undang-undang atau peraturan yang seragam tentang pembahagian harta sepencarian. Hampir seluruh negeri di Malaysia telah memperuntukkan tentang harta sepencarian dalam Akta atau Enakmen Keluarga Islam masing-masing dan Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan menetapkan sebarang tindakan yang berkaitan dengan pembahagian harta sepencarian.

Amalan yang dijalankan oleh FELDA pada masa ini berpandukan peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 iaitu apabila seseorang peneroka meninggal dunia, kawasan yang diperuntukkan kepadanya di rancangan hanya diturunkan kepada salah seorang sahaja daripada waris-warisnya sama ada di tahap peneroka belum mendapat surat hak milik atau telah menerima surat hak milik.

Apabila berlaku kematian, Pengurus Rancangan bagi tanah yang belum ada hak milik akan mengadakan bicara kuasa untuk melantik seorang pengganti. Dalam bicara kuasa tersebut:

- a. Sekiranya waris-waris yang hadir memberi persetujuan, maka seorang daripada mereka akan dilantik untuk mewarisi harta si mati di rancangan.
- b. Sekiranya tidak ada persetujuan waris-waris untuk melantik seorang dalam kalangan mereka, maka pelupusan harta si mati akan dirujuk kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk keputusannya.

Bagi tanah yang ada surat hak milik, FELDA akan merujuk terus kepada Pentadbir Tanah Daerah berkenaan yang akan memanggil waris-waris menghadiri bicara kuasa. Peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menekankan sekatan-sekatan seperti berikut:

- a. Hanya seorang sahaja yang boleh mengambil alih pegangan tanah dan tanah itu tidak boleh dipegang secara bersama.
- b. Kawasan pegangan tidak boleh dipecah sempadan.
- c. Apabila berlaku kematian, hanya seorang penama sahaja yang boleh dilantik bagi mengambil alih kawasan pegangan si mati.

Sekatan-sekatan tersebut bertujuan menjamin tanah rancangan tidak dipecahkan kepada unit-unit yang tidak ekonomik. Bagi menjamin janda-janda peneroka terus mendapat sebahagian harta hasil daripada usaha sama dengan suaminya, FELDA telah menyediakan Garis Panduan Harta Sepencarian. Dalam konteks FELDA, Harta Sepencarian meliputi :

- a. tanah kebun peneroka,
- b. tanah tapak rumah,
- c. rumah,
- d. harta-harta lain yang diperoleh semasa tinggal di rancangan sebagai suami isteri, dan

Janda-janda peneroka yang diceraikan dan layak menuntut harta sepencarian adalah yang sama-sama masuk dan tinggal bersama-sama suami di rancangan hingga berlaku perceraian. Pembahagian harta sepencarian bagi rancangan yang belum selesai bayaran balik kos pembangunan ialah 50% daripada bayaran yang telah dijelaskan.

Bagi rancangan yang telah selesai bayaran balik kos pembangunan, janda peneroka berkenaan berhak menuntut 1/3 daripada nilai tanah, kebun, kawasan tapak rumah dan rumah peneroka. Kemudahan yang diberi di bawah Garis Panduan Harta Sepencarian ini hanya bagi peneroka yang belum menerima surat hak milik untuk kawasan kebun dan rumah. Pada tahap ini, kawasan yang diperuntukkan belum lagi dapat ditakrifkan sebagai harta. Bagi peneroka yang telah mendapat surat hak milik, isteri yang diceraikan itu bolehlah membuat tuntutan mengikut peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri berkenaan.

Namun demikian, terdapat pihak-pihak yang mempertikaikan konsep dan kaedah pelaksanaan ‘Pewarisan Harta’ dan ‘Harta Sepencarian’ yang

dilaksanakan di Rancangan FELDA pada masa ini dan dikatakan tidak mengikut lunas-lunas dan hukum agama Islam.

## **HUJAH DAN DALIL**

Dalam mengurus dan mentadbir harta yang diamanahkan oleh Allah SWT, manusia hendaklah mengikut dasar-dasar yang telah ditentukannya. Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى آخْرَ كَامِلِ تَأْكُلُوا  
<sup>47</sup> فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Tujuan Kerajaan menguatkuaskan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 kepada tanah-tanah rancangan adalah untuk menjamin tanah-tanah tersebut tidak dipecahkan kepada unit-unit yang tidak ekonomik. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh:

تصريف الإمام على الرعية منوط بالصلحة<sup>48</sup>

Maksudnya:

Keputusan pemerintah atas urusan rakyat bergantung kepada maslahat.

---

47 al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:188

48 Muhammad Bakr Ismail, *al-Qawaaid al-fiqhiyyah bain al-'asalah wa al-taujih*, 997, hlm.111.

Tiap-tiap seorang sama ada lelaki atau perempuan akan mendapat habuan hasil daripada usahanya iaitu sumbangannya akan dinilai. Tiap-tiap seorang juga dibenarkan memiliki harta sama ada secara bersendirian atau bersama. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

<sup>49</sup> لِلرَّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ

Maksudnya:

(Kerana telah tetap) orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang telah mereka usahakan...

## FATWA KESEMBILAN

### CARA PENETAPAN HARGA ZAKAT FITRAH SELURUH MALAYSIA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Cara Penetapan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg.
2. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras ‘*Vietnam White Rice*’ bagi negeri Sabah dan ‘*Thai White Rice*’ bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg.<sup>50</sup>

#### LATAR BELAKANG

Amalan pelaksanaan zakat fitrah di negara ini ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Keadaan ini memperlihatkan wujud perbezaan kadarnya di negeri-negeri disebabkan penetapan asas timbangan bagi satu gantang beras dan jenis beras yang ditentukan. Selain itu,

---

<sup>50</sup> Kadar yang diperoleh hasil timbangan 1 gantang Baghdad beras Super Tempatan Gred ‘A’ bagi Semenanjung Malaysia dan beras ‘*Vietnam White Rice*’ bagi Sabah dan Sarawak dengan menggunakan penimbang metrik jenis ‘digital’ yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

harga beras tempatan di Semenanjung Malaysia dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) tetapi tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

## HUJAH DAN DALIL

Penggunaan sukatan gantang Baghdad merujuk kepada gantang yang digunakan secara meluas di zaman Rasulullah SAW selaras dengan hadis Baginda SAW ;

عَنْ أَبِي عُمَرْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَرَضَ زَكَةَ الْفُطُورِ كَاذَةَ الْفَطُورِ  
مِنْ رَمَضَانَ صَاعٌ مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعٌ مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكِيرٍ أَوْ اُنْثَى مِنَ  
الْمُسْلِمِينَ<sup>51</sup>

*Maksudnya:*

Daripada Abdullah bin Umar berkata: Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan segantang tamar atau gandum ke atas orang yang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan di kalangan Islam.

Bahan makanan yang diambilkira bagi menentukan zakat ialah beras atas alasan ia merupakan makanan asasi yang dimakan oleh rakyat negara ini. Berdasarkan kajian dan perakuan oleh pihak BERNAS, beras Super Tempatan Gred A merupakan beras yang dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia berbanding dengan beras gred lain. Perkara ini boleh dijadikan asas dan kaedah bagi penetapan bahan makanan asasi dalam menentukan zakat fitrah.

Kaedah yang harus digunakan bagi memastikan ketepatan timbangan yang menyamai satu gantang Baghdad adalah dengan menggunakan timbangan metrik dengan mengambil kira penggunaan alat sukatan gantang Baghdad kian

---

<sup>51</sup> Abu Daud Sulaiman bin al-Ashas al-Sajistani, *Sunan Abi Daud*, Bab Kam Yuaddi Fi Sadakah al-Fitr, no.hadis 1373, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.th, jld.2, hlm.26. Berkata al-Alani, hadis ini adalah sahih.

pupus dan sistem sukatan moden terutama sistem metrik digunakan secara meluas.

Hasil sukatan dua jenis gantang baghdad<sup>52</sup> bagi beras Super Tempatan Gred (A) adalah bersamaan dengan 2.70 kg. Keputusan ini bertepatan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah jawatankuasa Fatwa kali pertama yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 iaitu ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.

---

<sup>52</sup> Replika Kayu Gantang Baghdad dari Negeri Sembilan dan Replika Tembaga Gantang Baghdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.

## FATWA KESEPULUH

### ZAKAT WANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-5 yang bersidang pada 16-17 November 1982 di Kuala Lumpur telah membincangkan Zakat Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Muzakarat telah memutuskan bahawa:

Wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja-pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Shafie.<sup>53</sup>

#### LATAR BELAKANG

Setiap kakitangan kerajaan dan juga badan-badan berkanun dikehendaki mencarum sebanyak 9% daripada gajinya ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini bererti bahawa jumlah wang yang terkumpul hasil

---

<sup>53</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan hukum ‘Bayaran bakat KWSP sejurus pengeluaran-satu alternatif, telah memutuskan keputusan berikut:

1. Mazhab Syafie menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun jumhur ulama berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.
2. Berdasarkan pandangan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang bersidang kali ke-5 pada 16-17 November 1982 dipinda seperti berikut:  
Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.

daripada pencaruman tersebut boleh meningkat kepada jutaan ringgit memandangkan jumlah kakitangan kerajaan dan badan-badan berkanun adalah ramai. Bilangan kakitangan berkenaan yang beragama Islam merupakan kumpulan majoriti yang mencarum kepada KWSP. Sekiranya dibuat potongan terhadap simpanan itu sebagai menunaikan kewajipan membayar zakat sudah tentu jumlah yang akan didapati cukup untuk dijadikan modal bagi mengembangkan harta dan dikembalikan faedahnya kepada golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang dijelaskan dalam Islam.

## **HUJAH DAN DALIL**

Syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat harta adalah seperti berikut;

- a. Islam (pemilik harta tersebut),
- b. merdeka (bukan hamba tebusan),
- c. cukup nisab (kadar yang ditetapkan),
- d. haul (genap setahun), dan
- e. sempurna milik.

Syarat yang tidak terdapat dalam KWSP yang hendak dikenakan zakat ke atasnya adalah sempurna milik. Ertinya harta yang hendak dikenakan zakat itu telah menjadi milik sempurna pencarum KWSP. Pencarum tersebut bebas untuk membelanjakan harta tersebut mengikut kehendaknya pada bila-bila masa. Berdasarkan peraturan KWSP iaitu wang yang dicarumkan itu tidak boleh dikeluarkan kecuali dalam keadaan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Genap umur 55 tahun (umur bersara bagi kakitangan awam),
- b. Pencarum boleh mengeluarkan kadar tertentu sahaja daripada wang caruman itu apabila genap umur 50 tahun untuk tujuan tertentu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan,
- c. Pencarum boleh mengeluarkan kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan tujuan membeli rumah, dan
- d. Wang caruman tersebut boleh dikeluarkan oleh waris pencarum sekiranya pencarum meninggal dunia.

Syarat-syarat yang ditetapkan menunjukkan pencarum tidak mempunyai kuasa ke atas wang simpanan tersebut untuk dibelanjakan bagi keperluan dirinya kecuali apabila telah tiba masa yang ditetapkan atau dengan tujuan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini bererti bahawa pencarum tidak memiliki hartanya (caruman) sebagai pemilikan sempurna di mana pemilikan sempurna merupakan salah satu syarat wajib zakat. Jika dilihat pada akhirnya wang caruman itu akan menjadi milik sempurna pencarum, namun ia berlaku apabila sampai tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan.

## FATWA KESEBELAS

### HUKUM MENTERNAK DAN MENJUAL LINTAH DAN CACING UNTUK TUJUAN PERUBATAN DAN KOSMETIK

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 di Negeri Sembilan telah membincangkan Hukum Menternak dan Menjual Lintah dan Cacing untuk Tujuan Perubatan dan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Walaupun *uruf* menganggap lintah dan cacing sebagai haiwan yang kotor dan najis serta tidak boleh dimakan, tetapi hukum asal dalam Islam menetapkan bahawa lintah dan cacing bukan merupakan haiwan yang dikategorikan sebagai najis.
2. Penggunaan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan dalam kosmetik adalah harus, dan menternak atau menjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut juga adalah harus.

#### LATAR BELAKANG

Prospek perniagaan menternak lintah dan cacing yang menguntungkan telah menarik minat ramai di kalangan usahawan antaranya usahawan Melayu untuk berkecimpung dalam perniagaan ini secara komersil. Banyak kursus telah dianjurkan di seluruh negara tentang cara-cara penternakannya secara moden dan berteknologi, prospek pasaran dan produk-produk yang dikaitkan dengan penggunaan lintah. Begitu jugalah halnya dengan penternakan cacing yang mula mendapat tempat di kalangan usahawan tempatan.

Isu hukum menternak dan menjual lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik di sisi Islam diutarakan oleh syarikat DAGI Agrotech

secara rasmi kepada JAKIM. Syarikat ini telah memulakan usaha menternak lintah dan cacing untuk digunakan dalam produk-produk keluaran syarikat tersebut.

## **HUJAH DAN DALIL**

### **1. Status Lintah dan Cacing Sebagai Makanan Manusia Daripada Perspektif Hukum**

Dr. Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh* menyatakan bahawa para fuqaha telah membahagikan haiwan kepada tiga kategori iaitu:

- a. Haiwan akuatik (air), iaitu haiwan yang hanya hidup di dalam air sahaja. Terdapat dua pandangan fuqaha dalam mengharuskan haiwan air ini:
  - i. Mazhab Hanafi berpendapat semua haiwan air adalah haram kecuali ikan. Sungguhpun begitu, ikan yang mati terapung di permukaan air adalah haram untuk dimakan oleh manusia.
  - ii. Jumhur fuqaha berpendapat haiwan air sama ada ikan atau haiwan lain yang hanya hidup di dalam air adalah halal dimakan tanpa disembelih tetapi sesetengahnya diharamkan kerana beracun.
- b. Haiwan darat, iaitu haiwan yang hidup di daratan. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu:
  - i. Haiwan yang tidak mempunyai darah langsung seperti lalat, lebah, semut dan seumpamanya. Tidak dihalalkan kepada manusia memakan haiwan ini kerana ia tergolong dalam kategori *al-khabaith* iaitu haiwan yang dipandang jijik oleh masyarakat Arab.
  - ii. Haiwan yang tidak mempunyai darah mengalir seperti kutu, cicak, tikus, dan seumpamanya. Haiwan dari jenis ini tidak dihalalkan kerana ia tergolong dalam kategori *al-kabis* dan setengahnya mempunyai racun yang memudaratkan manusia.
  - iii. Haiwan yang mempunyai darah mengalir. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu haiwan jinak dan haiwan buas. Haiwan jinak dari

kategori *al-an'am* adalah halal dimakan seperti unta, lembu, dan kambing. Begitu juga halal dimakan haiwan jinak dari kategori burung seumpama ayam dan itik. Manakala haiwan buas yang bertaring seumpama singa dan harimau serta burung yang menggunakan kuku sebagai pemangsa seperti helang dan kelawar, ia adalah haram dimakan.

c. Haiwan dua alam, iaitu haiwan yang boleh hidup di dua tempat, iaitu di darat dan di dalam air seumpama katak, penyu dan buaya. Para ulama berselisih pendapat dalam menentukan hukum binatang dari jenis ini kepada tiga pendapat:

- i. Hanafiah dan Syafieah berpendapat binatang dari jenis ini adalah tidak halal dimakan kerana ia termasuk dalam kategori *al-khabais* dan sesetengahnya mempunai racun yang memudaratkan.
- ii. Malikiah pula berpendapat harus memakan katak, haiwan kecil yang melata (حشرات), ketam dan penyu kera tiada nas yang mengharamkannya.
- iii. Hanabilah berpendapat setiap haiwan air yang boleh hidup di daratan seperti penyu dan anjing laut adalah tidak halal dimakan kecuali setelah disembelih. Adapun haiwan sedemikian yang tiada darah mengalir seperti ketam, ia harus dimakan tanpa disembelih menurut satu pendapat imam Ahmad. Fuqaha Hanabilah juga tidak mengharuskan memakan katak dan buaya.

Secara umumnya, haiwan yang diklasifikasikan oleh para fuqaha sama ada halal atau haram dimakan adalah dengan berdasarkan dalil-dalil yang jelas daripada Allah SWT dan keharusan serta larangan yang telah disabdkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Sementara haiwan-haiwan yang tidak dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadis Rasulullah SAW, maka jumhur fuqaha (Hanafiah, Syafieah, dan Hanabilah) mengembalikannya kepada uruf masyarakat Arab. Sehubungan itu, maka haiwan yang dianggap *thayyib* oleh masyarakat Arab ia adalah halal. Manakala haiwan yang dianggap *khabais* oleh masyarakat Arab ia adalah haram. Fuqaha Malikiah pula berpendapat semua haiwan yang tidak dinyatakan pengharamannya dalam al-quran dan sunnah serta tidak dipandang jijik oleh uruf masyarakat Arab atau bukan Arab ia adalah halal dimakan.

Hasil daripada penelitian terhadap kategori haiwan yang dikemukakan para fuqaha, maka dapatlah dirumuskan bahawa lintah secara tabiinya termasuk dalam kategori haiwan air kerana ia tidak mampu hidup lama di daratan. Berdasarkan prinsip semua haiwan air adalah halal kecuali yang beracun maka sekiranya dipastikan lintah tidak beracun dan tidak dipandang jijik oleh uruf masyarakat maka ia halal dimakan. Walau bagaimanapun, tidak didapati di kalangan masyarakat Islam yang menghalalkan memakan lintah. Oleh itu, ia boleh dianggap sebagai haiwan *khabais* yang tidak halal dimakan oleh umat Islam. Sementara cacing pula, ia merupakan haiwan darat yang tidak mempunyai darah. Para fuqaha kebanyakannya mengkategorikan cacing sebagai *khabais* walaupun tiada dalil al-Quran dan hadis Rasulullah yang jelas tentang pengharamannya.

## 2. Penggunaan Lintah dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan dan Kosmetik

Berasaskan konsep uruf, lintah dan cacing merupakan haiwan *khabis* yang tidak boleh dimakan. Maka timbul persoalan sama ada ia juga dianggap sebagai najis. Para fuqaha sebenarnya telah mempunyai pandangan dalam hal ini. Kesemua Imam Mazhab bersepakat bahawa bangkai haiwan akuatik sama ada ikan atau haiwan lain adalah suci, ini bersandarkan sabda Rasulullah SAW berkaitan laut:

عَنْ صَفْوَانَ بْنِ سُلَيْمَانَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ سَلَمَةَ - مِنْ أَلْبَانِ الْأَزْرَقِ - أَنَّ الْمُغَرِّبَةَ بِسَنِّ أَبِيهِ بُرْدَةَ - وَهُوَ مِنْ بَنِي عَبْدِ الدَّارِ - أَخْبَرَهُ اللَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَرُكُ الْبَحْرَ وَنَحْمِلُ مَعْنَى الْقَلِيلِ مِنَ الْمَاءِ فَإِنْ تُوْصَّلُنَا بِهِ عَطَشَنَا أَفْتَوَضَنَا بِمَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ الطَّهُورُ مَا ذُرَّ الْجَلُّ مِنْهُ<sup>54</sup>

Maksudnya:

Daripada Safwan bin Sulaim daripada Said bin Salamah. Sesungguhnya Mughirah bin abi Burdah memberitahunya bahawa ia mendengar

---

<sup>54</sup> Abu Daud Sulaiman al-Ashas al-Sajistani, *Sunan Abi Daud*, Bab Wudu' Bi ma' al-Bahr, no.hadis. 83, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.th, jld.1, hlm.31.

Abu Hurairah berkata seorang lelaki telah bertanya kepada Nabi SAW dengan berkata, “Wahai rasulullah SAW sesungguhnya kami berlayar dilautan dan kami membawa bersama-sama kami sedikit air. Sekiranya kami berwuduk menggunakaninya nescaya kami akan kehausan. Apakah boleh kami berwuduk menggunakan air laut”. Rasulullah SAW bersabda, “Ia bersih airnya dan halal bangkai-bangkai di dalamnya”.

Manakala bagi haiwan yang tidak mempunyai darah mengalir termasuk cacing, para fuqaha berbeza pendapat tentang kesuciannya. Fuqaha Hanafiah dan Malikiah mengatakan haiwan jenis ini adalah suci. Sementara fuqaha Syafieah pula menghukumnya sebagai najis. Fuqaha Hanabilah berpendapat, haiwan yang tidak mempunyai darah mengalir sekiranya lahir daripada sumber (makanan) yang suci maka dianggap suci, tetapi jika ia lahir dari sumber yang najis seperti ulat kebun dan lipas maka ia dianggap najis sama ada masih hidup atau mati.

Berdasarkan pandangan di atas, lintah boleh dianggap sebagai haiwan yang suci (tidak najis) walaupun tidak boleh dimakan. Cacing pula adalah najis menurut fuqaha Syafieah tetapi tidak dianggap najis oleh mazhab lain. Oleh itu, penggunaan lintah dan cacing untuk tujuan perubatan (bukan secara oral) dan untuk tujuan kosmetik adalah tidak menjadi halangan sekiranya pandangan jumhur fuqaha ini dijadikan penanda aras (*benchmark*).

Lintah dan cacing pada masa ini sebenarnya bukanlah haiwan yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada manusia sama ada dari sudut perubatan, pertanian, kosmetik dan sudut-sudut lain. Sehubungan itu, pendapat yang mengharuskan berjual beli dengan kedua-dua jenis haiwan ini lebih sesuai diamalkan kerana kegunaannya adalah pelbagai dan ia mendatangkan banyak manfaat kepada manusia. Sekiranya ada bukti yang jelas menunjukkan ia digunakan atau dijadikan makanan yang diharamkan oleh Islam maka pada ketika itu berjual beli dengannya adalah haram sama sekali. Hal ini diqiasaskan kepada penjualan buah anggur, sekiranya ia dijual untuk tujuan dijadikan arak maka hukumnya adalah haram menurut pendapat jumhur ulama daripada Malikiah, Hanabilah dan pendapat yang lebih kuat dan muktamad daripada

Syafieah, tetapi jika anggur tersebut dijual untuk tujuan lain maka penjualan itu harus dan sah menurut hukum syarak.

Perbezaan pendapat dalam menentukan status kesucian lintah dan cacing telah membawa perbezaan pandangan tentang keharusan berjual beli haiwan-haiwan ini. Sungguhpun begitu, jika dilihat dari aspek manfaat yang diperolehi daripada haiwan-haiwan ini dari segi kesihatan dan kehidupan manusia, maka pendapat yang mengharuskan berjual beli haiwan-haiwan ini adalah lebih sesuai diamalkan pada masa kini.

## FATWA KEDUA BELAS

### HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-3, yang bersidang pada 9 Disember 1992 di Kuala Lumpur telah membincangkan tentang Hukum Zakat Ke Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Syarikat perniagaan diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut:

1. perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam,
2. perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka,
3. sempurna milik,
4. cukup nisab,
5. cukup haul (genap setahun *qamariah* atau 354.3 hari),
6. kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5 %, dan
7. syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi.

#### LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada 7 Mac 1989 telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Islam menyediakan kertas kerja bertajuk Zakat Ke Atas Syarikat untuk dikemukakan kepada Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk mendapatkan keputusan tentang hukum dan kadar zakat.

Keputusan ini diperlukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) bagi membolehkan jabatan tersebut memberi rebet cukai pendapatan dari jumlah

wang yang dibayar oleh syarikat-syarikat berkenaan kepada Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri seperti mana yang diberikan kepada orang perseorangan yang telah membayar zakat. Ini adalah untuk mengelakkan syarikat yang telah membayar zakat daripada terpaksa membayar cukai pendapatan (syarikat berkenaan terpaksa membayar dua kali iaitu zakat dan cukai pendapatan).

## **HUJAH DAN DALIL**

Penubuhan syarikat di negara ini tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965. Jenis-jenis syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- a. syarikat berhad menurut saham,
- b. syarikat tidak berhad, dan
- c. syarikat menurut jaminan.

Para ulama telah sepakat bahawa syarikat-syarikat perniagaan wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat wajib zakat perniagaan seperti berikut:

- a. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam,
- b. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka,
- c. Sempurna milik,
- d. Cukup nisab, dan
- e. Cukup haul (setahun qamariah 354.3 hari).

Pendapat tersebut adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 267:

يَتَأْيِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبَيْبَتٍ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا  
لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ ...  
55

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebaha-

gian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu...

Para ulama mentafsirkan perkataan **كُبْتَ** dengan erti berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya, sama ada usaha itu dilakukan secara berseorangan atau syarikat. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

...وَلَا يُجْمِعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ ، وَلَا يُفَرِّقُ بَيْنَ مُجْمِعٍ حَشِيشَةَ الصَّدَقَةِ ، وَمَا كَانَ مِنْ خَلِيلَيْنِ فِي أَهْمَاءِ يَرَاجِعُانِ بِيَنْهُمَا بِالسُّوَيْدَةِ .<sup>56</sup>

Maksudnya:

...tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat), dan orang-orang yang menternak binatangnya hendaklah berdamai antara keduanya dengan berdasarkan persamaan...

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain.

Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkhidmatan, syarikat guaman, perhotelan, runding cara, perubatan, rekreasi, cari gali dan sebagainya, maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan. Kadar zakat yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada pendapatan bersih.

Oleh itu, menjadi kewajipan syarikat perniagaan mengeluarkan zakat bagi pihak pemiliknya dan sekiranya syarikat tersebut tidak mengeluarkan zakat, maka pemiliknya hendaklah mengeluarkan zakat secara persendirian. Syarikat perkongsian antara orang Islam dan bukan Islam, maka zakat hanya dikeluarkan berdasarkan saham milik orang Islam sahaja.

---

56 Al-Hamidi, Muhammad bin Futuh, *al-Jam' baina al-sahihaini al-bukhari wa muslim*, Tahqiq, Ali Husin al-bawwab, Dar Ibnu Hazm, Beirut, Lubnan, 1423H/2002M, jld.1, hlm.21.

## FATWA KETIGA BELAS

### HUKUM MENJADIKAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-67 pada 22 Februari 2005 di Putrajaya telah membincangkan Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. Dalam persidangan ini, muzakarah bersetuju mengekalkan sepetimana keputusan yang lepas<sup>57</sup> iaitu wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

#### LATAR BELAKANG

Isu untuk menjadikan wang caruman KWSP sebagai harta sepencarian timbul apabila terdapat beberapa pihak yang mahukan pihak isteri juga turut mempunyai hak dalam caruman KWSP suami terutama apabila berlaku perceraian atau kematian si suami.

Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah di Kelantan dan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negeri dan Wilayah Persekutuan ada mentafsirkan maksud harta sepencarian. Dari sudut perundangan, terdapat sedikit perbezaan dalam pentafsiran terminologi ini sungguhpun tidak terdapat

---

<sup>57</sup> Muzakarah Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah memutuskan bahawa:

1. Wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
2. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan kepada si mati) mengikut hukum faraid.
3. Bahagian Undang-undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

perbezaan dari segi amalan pembahagian. Umumnya, harta sepencarian dapat didefinisikan sebagai harta sama ada harta alih atau harta tak alih yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri hasil daripada usaha dan sumbangan bersama-sama dalam tempoh perkahwinan mereka dan termasuklah juga nilai harta yang diperoleh sebelum mereka berkahwin yang telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan melalui usaha bersama.

Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta sepencarian daripada mana-mana pasangan Islam yang telah bercerai. Terdapat dua faktor yang diambil kira dalam menentukan sesuatu itu merupakan harta sepencarian atau tidak. Faktor pertama ialah sumbangan secara langsung. Sumbangan ini merujuk kepada usaha bersama yang jelas oleh pasangan suami isteri untuk memperoleh sesuatu aset itu. Ia merupakan faktor utama bagi mahkamah untuk mensabitkan adanya hak harta sepencarian semasa dalam tempoh perkahwinan.

Faktor kedua merujuk kepada sumbangan secara tak langsung oleh isteri atau suami kepada pasangannya dalam mendapatkan sesuatu aset. Sebagai contoh, suami bekerja untuk mendapatkan sumber pendapatan, manakala isteri ialah seorang suri rumah yang tidak bekerja bersama-sama dalam memperoleh sumber pendapatan tersebut. Namun, kebijaksanaan isteri dalam menguruskan rumah, anak-anak dan sebagainya ditafsirkan sebagai sumbangan secara tak langsung yang menjamin seseorang suami dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kerjanya.

Daripada huraiyan yang telah dibuat, caruman KWSP tidak dikategorikan sebagai harta sepencarian. Di bawah Akta KWSP 1991, Seksyen 51, Simpanan KWSP ahli yang masih hidup adalah hak mutlak pencarum untuk kebaikan mereka pada hari tua yang tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain. Akta KWSP ini pula terletak di bawah undang-undang sivil.

## **HUJAH DAN DALIL**

Tiada dalil khusus tentang harta sepencarian dan cara pembahagian dalam al-quran dan hadis. Namun demikian, Allah SWT telah pun menggariskan prinsip asas pemilikan iaitu ia berdasarkan kepada usaha tanpa membezakan

antara lelaki dan wanita. Firman Allah SWT berikut ini menjadi asas kepada kepentingan pertimbangan sumbangan secara langsung dalam penentuan harta sepencarian:

<sup>58</sup>

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِمَّا أَكْتَسَبْنَ.

Maksudnya:

Dan bagi orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian darpada apa yang mereka usahakan.

Mazhab Syafie menggariskan, konsep perkongsian harta boleh dilihat melalui *syarikat al-'inan* yang perkongsian dalam bentuk harta dibuat oleh dua pihak atau lebih melalui akad, dan keuntungan kembali kepada pihak tersebut menurut upah yang munasabah dengan kerja. Mazhab Hanafi mengharuskan secara mutlak *syarikat al-abdan* di mana perkongsian berlaku apabila dua orang berkongsi tenaga dan usaha tanpa harta dan modal. Maka keuntungan kembali kepada kedua-dua pihak atas kadar upah yang munasabah mengikut kerja. Mazhab Maliki dan Mazhab Hambali juga bersepakat begini dengan mensyaratkan persamaan dari segi jenis kerja.

Berdasarkan pandangan para ulama, dapat dirumuskan bahawa sumbangan kerja menjadi faktor menentukan wang simpanan KWSP sebagai harta sepencarian atau tidak. Perkongsian wang simpanan KWSP bukanlah perkongsian berakad dalam bentuk harta. Sekalipun terdapat perkongsian usaha dan tenaga, namun sumbangan isteri atau suami kepada pasangannya di dalam atau di luar rumah bukanlah dari jenis kerja yang sama yang dilakukan oleh pasangan tersebut. Oleh itu, wang simpanan KWSP bukanlah bentuk harta sepencarian tetapi harta pusaka yang wajib diagih-agihkan kepada yang berhak menerimanya melalui hukum faraid.

---

<sup>58</sup> Al-Quran, Surah An-Nisa', 4:32

## FATWA KEEMPAT BELAS

### HUKUM PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-83, pada 18-24 Oktober 2008 di Kelantan telah membincangkan hukum Perlaksanaan wasiat wajibah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Melaksanakan wasiat wajibah adalah harus dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya atau bapa dan ibunya mati secara serentak bersama-sama datuk atau neneknya maka anak tersebut layak untuk menerima wasiat wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi  $\frac{1}{3}$  daripada harta pusaka datuk atau neneknya. Sekiranya bahagian ibu atau bapa ialah  $\frac{1}{3}$  atau kurang daripada  $\frac{1}{3}$  maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi  $\frac{1}{3}$  maka hendaklah dikurangkan pada kadar  $\frac{1}{3}$  setelah mana mengikut syarat-syarat seperti berikut:

1. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah.
2. Hendaklah kedua ibu bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek, atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
3. Cucu lelaki atau perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara *fardhu* atau *ta'sib* maka mereka tidak layak untuk mendapat wasiat wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah.
4. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa, atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka

- dia tidak berhak untuk mendapat wasiat wajibah daripada harta pusaka datuk.
5. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan sekiranya mereka masih hidup, maka cucu tidak lagi berhak untuk mendapat wasiat wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.
  6. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar  $\frac{1}{3}$  daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah  $\frac{1}{3}$  atau kurang daripada  $\frac{1}{3}$ , maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi  $\frac{1}{3}$  maka hendaklah dikurangkan pada kadar  $\frac{1}{3}$  melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.
  7. Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat *ikhtiyariah* dan hutang piutang.
  8. Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.

## LATAR BELAKANG

Isu ini dikemukakan oleh Majlis Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad untuk mendapat pandangan JAKIM tentang pelaksanaan wasiat wajibah di Malaysia bagi menangani kes-kes kematian yang berlaku dan si waris terhalang daripada mendapat bahagian. Sebagai contoh ibu bapa mati meninggalkan anak, datuk dan saudara kandung. Setelah kematian datuk, anaknya tidak mendapat harta waris disebabkan terdinding oleh bapa saudara atau ibu saudara, sedangkan semasa bapanya mati, dia tidak meninggalkan sebarang harta.

Konsep wasiat wajibah dapat mengatasi isu kematian serentak yang berlaku terhadap datuk atau nenek bersama anak mereka yang masih mempunyai anak-anak (cucu) yang masih hidup. Menurut sistem pembahagian harta pusaka Islam, cucu tersebut tidak berhak mewarisi harta pusaka datuk atau nenek disebabkan mereka terdinding oleh bapa saudara atau ibu saudara. Senario ini mengundang persoalan tentang kebaikan dan masa depan cucu-cucu ini, terutama sekali sekiranya ibu bapa mereka meninggal pada usia muda dan tidak meninggalkan harta untuk diwarisi oleh anak-anak bagi meneruskan hidup.

## **HUJAH DAN DALIL**

Asas Pensyariatan wasiat wajibah oleh sebahagian ulama Islam didasari oleh firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 180 yang menyebut bahawa seseorang itu hendaklah mewasiatkan hartanya kepada kedua-dua ibu bapa dan saudara mara yang hampir dengan cara yang baik sebagai satu kewajipan atas orang yang bertakwa.

Ibn Hazm al-Zahiri dalam kitab *al-Muhalla* berpendapat bahawa wajib berwasiat kepada kaum kerabat yang tidak mendapat bahagian harta pusaka. Menurut Ibn Hazm, penurunan ayat pusaka yang menerangkan hak faraid bagi waris-waris tidak *menasakhkan* kewajipan berwasiat bahkan peruntukan ayat wasiat tersebut dikhususkan bagi ahli-ahli waris yang tidak mendapat pusaka disebabkan oleh halangan-halangan tertentu. Dengan kata lain, berwasiat kepada ahli keluarga terdekat yang tidak mendapat pusaka merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan. Dalam hal ini Ibn Hazm menegaskan bahawa kewajipan itu tidak akan gugur meskipun selepas kematian seseorang muslim dan menjadi kewajipan kepada waris atau pentadbir harta untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut menurut kadar yang berpatutan tanpa menimbulkan kesusahan kepada waris-waris yang ditinggalkan.<sup>59</sup>

Hukum asal bagi pelaksanaan wasiat adalah sunat dan umat Islam amat digalakkan untuk berwasiat berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW serta amalan para sahabat baginda. Walau bagaimanapun, sesuatu hukum boleh

---

<sup>59</sup> Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Jld. 9, hlm. 313.

berubah dari sunat menjadi wajib setelah diputuskan oleh pemerintah demi menjaga kemaslahatan umum berdasarkan kepada kaedah fiqh:

<sup>60</sup> تصرف الإمام على الرعية منوط بالصلحة

Maksudnya:

Tindakan (arahan) pemerintah terhadap rakyatnya adalah berdasarkan kepada kepentingan umum.

Kesimpulannya, bagi memastikan aspek kesejahteraan, kerukunan dan kepentingan masyarakat awam khususnya hubungan kekeluargaan terjamin dan terpelihara, sesuatu hukum yang pada asalnya adalah sunat boleh menjadi wajib. Atas kapasiti inilah maka pihak pemerintah di beberapa negara Islam telah menggubal peruntukan undang-undang wasiat wajibah untuk memelihara kebijakan anak-anak yatim di peringkat cucu selepas kematian ibu bapa mereka.

---

60 Mohammad Bakr Ismail, *al-Qawaaid al-fiqhiyyah bain al-'asalah wa al-taujih*, 1997, hlm.111.

## FATWA KELIMA BELAS

### HUKUM PEMBAYARAN SIMPANAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA BAGI AHLI YANG MEMELOUK AGAMA ISLAM

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan Hukum Pembayaran Simpanan Wang Simpanan Pekerja Bagi Ahli Yang Memeluk Agama Islam. Muzakarah memutuskan bahawa:

- a. Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya.
- b. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal; dan
- c. Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

#### LATAR BELAKANG

Isu ini ditimbulkan oleh pihak KWSP yang bertanggungjawab membahagikan wang simpanan ahli yang telah meninggal dunia berdasarkan penama yang diberikan oleh si mati. Pembahagian simpanan KWSP bagi ahli yang beragama Islam yang meninggal dunia ialah dengan membayar kepada penama yang merupakan *wasi* atau pentadbir dan penama bertanggungjawab untuk membahagikan wang KWSP yang diterimanya kepada waris yang berhak mengikut hukum faraid.

## FATWA KEENAM BELAS

### HUKUM MENYERAHKAN SEBAHAGIAN TANAH WAKAF KEPADА PIHAK BERKUASA

#### KEPUTUSAN

Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 di Kuala Lumpur telah membincangkan Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa. Muzakarah memutuskan bahawa:

1. Tanah wakaf tidak boleh sama sekali dipindah milik kecuali kerana darurat yang memerlukan demikian berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.
2. Tanah wakaf yang diambil atau dipindah milik kepada kerajaan, hendaklah dibayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.
3. Tanah wakaf yang hendak dibangunkan hendaklah dikecualikan syarat penyerahan tanah untuk tujuan pembinaan kemudahan awam seperti jalan, saliran, tapak pencawang elektrik dan sebagainya.
4. Bagi tanah wakaf khas untuk tujuan tertentu seperti masjid, sekolah dan seumpamanya. Pihak yang mengambil tanah itu hendaklah memperuntuk bahagian-bahagian yang tertentu sebagai gantian tanah wakaf yang diambil mengikut nilai semasa bagi mengekalkan status wakaf tersebut. Contohnya bagi bangunan bertenagat-tingkat yang didirikan, beberapa unit tertentu (mengikut nilai semasa) hendaklah diperuntuk untuk masjid, sekolah atau sebagainya seperti yang diniatkan oleh pewakaf.

#### LATAR BELAKANG

Pada masa ini, pembangunan tanah banyak tertumpu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Pembangunan

tersebut melibatkan pelbagai kategori tanah samada tanah individu, syarikatsyarikat, kerajaan dan tanah wakaf.

Bagi melaksanakan pembangunan, tanah-tanah tertentu terpaksa diserahkan kepada pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Ipoh dan pihak-pihak berkuasa lain. Menurut Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486), Bahagian II, Seksyen 3 memperuntuk bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan (pindaan Akta A999):

- a. Bagi apa-apa maksud awam (pindaan Akta A804)
- b. Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah benefisial untuk kemajuan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian dari itu atau kepada orang ramai secara am atau mana-mana kelas orang ramai.

## **HUJAH DAN DALIL**

Apabila tanah wakaf diserahkan kepada pihak berkuasa, Majlis Agama Islam Negeri akan mengalami kekurangan tanah wakaf, kecuali digantikan tanahtanah yang diambil itu dengan tanah yang lain yang setimpal nilainya, atau membayar pampasan nilai tanah yang telah diambil sekiranya negeri tertentu tidak mempunyai tanah gantian.

Keadaan demikian akan memutuskan pahala wakaf oleh orang yang mewakafkannya. Ini kerana pahala mereka akan terhenti dengan tiadanya wakaf atau amal yang dijariahkan. Di samping itu, akan hilang keyakinan masyarakat Islam untuk mewakafkan harta kepada Majlis Agama Islam terutamanya kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan, seterusnya mungkin menyebabkan imej Majlis Agama Islam terjejas. Selain itu, sumber ekonomi umat Islam yang diperoleh daripada zakat dan wakaf akan merosot, terutamanya apabila harta itu berada di tempat yang strategik.

Harta wakaf ialah milik Allah untuk kepentingan umat Islam. Sebarang pengambilan tanah wakaf tidak wajar diserahkan secara percuma kepada pihak berkuasa. Pendapat Imam Ibu Hanifah yang memberi keluasan dalam

mengamalkan *istibda*, jika *istibdal* itu lebih memberi faedah yang mendatangkan hasil yang lumayan, sekalipun masjid, kerana hajat dan darurat. Namun begitu Imam Ahmad Ibn Hanbal memberi keluasan *istibdal* selain wakaf masjid dengan dikenakan beberapa syarat yang tertentu mengikut keadaan tertentu.

Imam Malik menegah *istibdal* kecuali kerana darurat dan berhajat seperti membesarlu masjid atau tanah perkuburan. Adapun wakaf yang alih, di sisi Imam Malik diharuskan kerana *istibdal* iaitu menukar pada harta wakaf yang alih akan mengekalkan wakaf.

Pendapat Imam Syafie seakan-akan sama dengan pendapat Imam Maliki bahkan tidak mengharuskan langsung menjual masjid sekalipun telah roboh dan tidak digunakan. Segala barang dan peralatan yang berkaitan dengan masjid yang roboh itu hanya dibenarkan sebagai hibah kepada masjid-masjid yang lain.

## FATWA KETUJUH BELAS

### HUKUM PEWARISAN BAGI KES KEMATIAN SERENTAK

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-83, pada 18-24 Oktober 2008 di Kelantan telah membincangkan Hukum Pewarisan Bagi Kes Kematian Serentak. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Mana-mana ahli keluarga yang meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu bagi menentukan hak pewarisan, maka mereka tidak akan saling mewarisi antara satu sama lain. Ini berdasarkan syarat-syarat pewarisan, waris (*al-warith*) hendaklah masih hidup semasa kematian orang yang mewariskan (*al-muwarith*). Oleh itu, harta pusaka si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersama-sama.

#### LATAR BELAKANG

Isu pewarisan bagi kes kematian serentak di kalangan ahli-ahli keluarga beragama Islam yang mempunyai pertalian darah telah dikemukakan oleh Majlis Pengawasan Syariah, Amanah Raya Berhad untuk mendapat pandangan JAKIM. Peristiwa kematian serentak berkemungkinan berlaku dalam kalangan ahli keluarga disebabkan kemalangan, pembunuhan, bencana alam, kebakaran dan sebab-sebab lain. Dalam kejadian tersebut tidak dapat ditentukan siapa di kalangan ahli-ahli keluarga yang meninggal dunia terlebih dahulu (dan kemudian) bagi menentukan hak pewarisan.

Dalam sesuatu insiden kematian, pegawai perubatan akan merekod dan mengistiharkan waktu dan tarikh kematian. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan apabila semua mangsa direkodkan mati secara serentak di dalam

sijil kematian. Justeru, timbul persoalan bagaimana pembahagian harta pusaka dapat dilakukan terutamanya apabila ahli-ahli keluarga saling mewarisi antara satu sama lain meninggal dunia secara serentak.

## **HUJAH DAN DALIL**

Bagi kes ahli-ahli keluarga yang meninggal secara serentak yang tidak dapat ditentukan siapa meninggal terlebih dahulu seperti dalam kejadian kapal karam, kebakaran, tertimbus dalam runtuhan, kemalangan jalan raya dan sebagainya, Jumhur Fuqaha kecuali mazhab Hanbali berpendapat bahawa mereka itu tidak saling mewarisi antara satu sama lain kerana syarat perwarisan ialah waris (*al-warith*) hendaklah masih hidup sewaktu kematian orang yang yang mewariskan (*al-muwarrith*) sedangkan dalam kes kematian serentak syarat tersebut tidak dipenuhi.<sup>64</sup> Dalam kejadian yang tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu di kalangan ahli keluarga, maka mereka tidak saling mewarisi antara satu sama lain.<sup>65</sup>

Ini adalah bersandarkan kepada kisah yang diriwayatkan oleh Kharijah bin Zaid bin Thabit daripada bapanya dan dia telah berkata: “*Aku telah diarahkan oleh Abu Bakr al-Siddiq RA untuk membahagikan harta pusaka kepada penduduk Yamamah,<sup>66</sup> orang-orang yang hidup mewarisi daripada orang yang meninggal dunia. Manakala orang-orang yang meninggal dunia tidak mewarisi sesama mereka. Dan aku juga telah diperintahkan oleh Umar RA untuk membuat pembahagian pusaka kepada waris si mati yang meninggal akibat wabak taun yang melanda Amwas<sup>67</sup> (sebuah kampung di Palestin).*

---

<sup>64</sup> Khatib, Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Kitab al-Faraaid, jld.3, hlm.36; Lihat al-Fatawa Dar al-Ifta’al-Islamiyyah al-Misriyyah, jld.19, Fatwa Nombor 2313, hlm.7029-7030.

<sup>65</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, jld.10, hlm.7903; Muhammad Ali al-Sabuni, *al-Mawarith fi al-Syari’ah al-Islamiyyah fi Daui’I al-Kitab wa al-Sunnah*, hlm. 213; Al-Sarakhsi, al-Mabsut, jld.29, hlm.33-35, Al-Qurtubi, *Bidayah al-Mujtahid*, hlm.172, Al-Sarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Kitab al-Faraaid, jld.3, hlm.36.

<sup>66</sup> Peperangan Yamamah telah dilancarkan oleh Abu Bakr al-Siddiq bagi memerangi golongan murtad yang diketuai oleh Musailamah al-Kazzab. Diriwayatkan dalam peperangan tersebut seramai 70 *huffaz* al-Quran telah terkorban.

<sup>67</sup> Turut dibaca sebagai ‘Imwas, lihat Dr. Jum’ah Muhammad Barraj, *Ahkam al-Mirath fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*, hlm.735.

*Terdapat kabilah tertentu yang seluruh anggota keluarganya meninggal dunia. Oleh itu, orang yang mati mewariskan harta mereka kepada warisnya yang hidup dan orang yang meninggal dunia secara bersama itu tidak saling mewarisi di antara mereka.*" Hal yang sedemikian turut dipraktikkan oleh Ali Karramallah Wajhah selepas perlakunya peperangan Jamal dan Siffin.<sup>68</sup>

Berdasarkan pendapat Jumhur Fuqaha, harta pusaka si mati dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya. Sebagai contoh: sekiranya dua orang adik beradik meninggal dunia secara serentak dalam kebakaran. Setiap seorang daripada mereka meninggalkan wang simpanan berjumlah RM90,000 beserta seorang ibu, seorang anak perempuan dan seorang bapa saudara sebelah bapa ('am). Menurut pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafi'i, harta tersebut akan diwarisi oleh ibu dan anak-anak perempuan mereka tanpa mengambil kira bahagian saudara yang meninggal bersama. Dalam hal ini, anak perempuan mereka akan menerima 1/2 atau RM45,000 setiap seorang manakala ibu akan mendapat 1/6 atau RM15,000 daripada jumlah wang simpanan anak pertama dan anak kedua. Manakala selebihnya iaitu RM30,000 akan diperolehi oleh bapa saudara sebelah bapa mereka sebagai 'asabah yang mengambil lebihan harta pusaka.

Menurut Mazhab Hanbali, bagi kes yang melibatkan kematian serentak di kalangan ahli keluarga yang tidak diketahui siapa yang mati terlebih dahulu, anggota keluarga yang mati bersama akan saling mewarisi antara satu sama lain. Imam Ahmad menegaskan bahawa sekiranya dua orang yang saling mewarisi meninggal dunia dan tidak diketahui siapa yang mati dahulu, maka mereka saling mewarisi antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Umar, Ali, Syuraih, Ibrahim dan al-Sya'bi.<sup>69</sup>

Walau bagaimanapun, harta yang boleh diwariskan itu mestilah harta yang secara hakiki adalah milik si mati (*talad* atau *qadim*)<sup>70</sup> dan bukan harta yang baru diwarisi (*tarif* atau *jadid*)<sup>71</sup> daripada orang yang mati bersamanya. Harta

---

<sup>68</sup> Wahbah al-Zuhayli, hlm.7903-7904.

<sup>69</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jld.9, hlm.187.

<sup>70</sup> *Talad* - harta yang lama iaitu harta milik si mati yang akan diwariskan kepada orang yang mati bersamanya dan waris yang masih hidup.

<sup>71</sup> *Tarif*-harta yang baru iaitu harta yang diwarisi oleh si mati daripada orang yang mati

(tarif) yang diwarisi daripada waris yang meninggal secara serentak hanya boleh diwariskan kepada waris yang hidup sahaja. Misalnya dalam kejadian tanah runtuh, berlaku kematian suami, isteri dan seorang anak lelaki. Maka suami yang meninggal dunia, akan mewariskan harta miliknya (*talad*) kepada isteri dan anak lelaki yang mati bersama. Begitu juga isteri dan anak lelaki yang mati bersama akan turut mewariskan harta (*talad*) kepada suami atau bapa tanpa mengambil kira bahagian harta yang diwarisi daripada suami atau bapa yang meninggal bersama-sama. Manakala harta yang baru diwarisi (*tarif*) hanya boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup sahaja.<sup>72</sup>

Pandangan Mazhab Hanbali ini juga merujuk kepada kisah yang diriwayatkan oleh Iyyas bin Abdullah al-Muzani, 'Ata', al-Hasan, Hamid al-A'raj, Abdullah bin 'Utbah, Ibn Abi Laila, Hasan bin Salih, Syuraik, Yahya bin Adam dan Ishak sebagaimana yang diceritakan oleh Ibn Mas'ud bahawa menurut al-Sya'bi wabak taun telah melanda Syam yang berlaku pada tahun yang sama dengan wabak yang melanda 'Amwas yang menyebabkan ramai daripada kalangan ahli keluarga meninggal dunia. Ibn Mas'ud telah menulis kepada Umar al-Khattab RA dan Umar telah membalas surat tersebut dengan memberikan pandangan bahawa mereka yang mati itu saling mewarisi antara satu sama lain.<sup>73</sup>

Mazhab Hanbali turut berhujah dengan satu riwayat lain daripada Ali dan Ibn Mas'ud bahawa setiap seseorang itu berhak untuk menerima pusaka daripada ahli keluarga yang mati bersamanya atas keyakinan bahawa semua orang yang ditimpah musibah kematian adalah hidup dan berhak untuk menerima pusaka. Soal siapa yang mati dahulu dan kemudian merupakan satu keraguan (syak) sahaja yang tidak boleh menjadi penghalang kepada keyakinan bahawa mereka sebenarnya hidup untuk saling mewarisi. Ini adalah berasaskan kaedah :

إن اليقين لا ينول بالشك

Maksudnya:

Keyakinan tidak gugur dengan syak

<sup>72</sup> Abi Mas'ab Bilal bin Habsyi Tabari al-Jazairi, *Kashf al-ghawamid min ahkam al-fara'id*, hlm.406.

<sup>73</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jld. 9, hlm.187.

<sup>74</sup> Al-Sarakhsî, *al-Mabsut*, jld.30, hlm.34; Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Maus'ah al-fiqhiyyah*, Jld.3, hlm.80.

Kaedah lain yang menjadi hujah kepada pandangan mazhab Hanbali ialah:

الأصل بقاء ما كان على ما كان

Maksudnya:

Asal sesuatu perkara kekal sebagaimana keadaaan asalnya.

Menurut kaedah di atas, pada asal atau hakikatnya ialah semua orang adalah hidup. Justeru semua orang berhak mendapat harta pusaka dan saling mewarisi antara satu sama lain dengan syarat bahawa waris-waris tidak berselisih faham mengenai isu siapa mati dahulu dan kemudian sama ada disertakan dengan bukti atau sebaliknya.<sup>75</sup>

Ibn Taymiyyah dalam kitab *Majmu'ah al-Fatawa* telah menukilkan pandangan Jumhur Fuqaha bahawa orang yang mati bersama atau secara serentak tidak mewarisi antara satu dengan yang lain. Manakala Imam Ahmad berpendapat bahawa mereka saling mewarisi.<sup>76</sup>

Dar al-Ifta' Mesir telah mengeluarkan fatwa bagi kes kematian serentak melibatkan ahli keluarga dengan menyatakan bahawa ahli keluarga berkenaan tidak mewarisi antara satu sama lain.

Bagi menyelesaikan pertikaian tentang kematian serentak, beberapa negara Islam seperti Mesir<sup>77</sup> dan Syiria<sup>78</sup> telah mengkanunkan peruntukan tentang pembahagian harta pusaka bagi kes kematian serentak dengan mengambil pandangan Jumhur Fuqaha bahawa sekiranya dua anggota keluarga meninggal dunia secara serentak dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati dahulu dan kemudian, maka tidak akan mewarisi salah seorang daripada mereka harta yang seorang lagi sama ada mereka meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya.

---

<sup>75</sup> Abi Mus'ab, *Kashf al-ghawamid min ahkam al-faraaid*, hlm. 406.

<sup>76</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmu'ah al-fatawa*, Jld. 31, hlm. 205.

<sup>77</sup> Perkara 3, Undang-Undang Pusaka Mesir No. 77, 1943.

<sup>78</sup> Perkara 261, Undang-Undang Keluarga Syria 1953.

## FATWA KELAPAN BELAS

### HUKUM SKIM CEPAT KAYA DAN SEUMPAMANYA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 di Johor Bahru telah membincangkan Hukum Skim Cepat Kaya dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Hukum terhadap Skim Cepat Kaya adalah haram kerana ia mengandungi unsur-unsur judi, riba, *gharar* dan *tadlis* dan umat Islam dilarang daripada terlibat dengan skim ini.

#### LATAR BELAKANG

Isu ini timbul ekoran daripada aduan pembaca akhbar Utusan Malaysia bertarikh 10 Januari 2001 bertajuk Majlis Fatwa Kebangsaan Diminta Haramkan Skim Cepat Kaya. Ketua Setiausaha Negara yang mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam telah mengarahkan Biro Pengaduan Awam mendapatkan maklum balas terhadap perkara tersebut oleh kementerian yang berkaitan memandangkan skim ini menggunakan agama sebagai sandaran.

Skim cepat kaya secara amnya ialah satu skim yang menjanjikan pulangan yang berganda daripada apa yang dilaburkan; dan juga pembelian barang yang jauh lebih murah daripada harga pasaran. Maklumat yang diperoleh daripada mereka yang terlibat, skim ini beroperasi berdasarkan sebahagian ciri-ciri berikut antaranya:

- a. Seseorang pelabur boleh melabur seberapa banyak wang yang dikehendaki dan pihak pengurus skim akan membayar balik keuntungan mengikut peratus yang ditetapkan. Ada yang membayar

- sebanyak 10% atau 12% daripada jumlah pelaburan. Bayaran keuntungan pelaburan ini dibayar dalam bentuk wang tunai atau dimasukkan ke dalam akaun simpanan pelabur berkenaan. Pembayaran keuntungan biasanya dibuat sekali pada tiap-tiap bulan.
- b. Semua pelaburan yang dibuat selalunya dicatatkan dalam buku senarai pelabur dan resit akuan terima wang juga tidak dikeluarkan. Urus niaga skim ini berdasarkan prinsip percaya mempercayai dan tiada surat perjanjian khusus tentangnya.
  - c. Semua pelaburan adalah dibuat dalam bentuk wang tunai.
  - d. Pihak pengurus skim juga melantik wakil-wakil dan ajen-ajen di beberapa tempat bagi mendapatkan pelabur-pelabur baru. Setiap wakil atau ajen mendapat bayaran sagu hati mengikut kadar yang dipersetujui berasaskan jumlah pelaburan yang dipungut.
  - e. Pihak pengurus skim tidak terikat untuk membayar balik wang pelabur sekiranya pelaburan berkenaan mengalami kerugian.
  - f. Skim ini akan terus beroperasi sekiranya pada setiap masa ada pelabur baru yang melabur. Jika tiada, pihak pengurus akan menghadapi masalah untuk membuat pembayaran keuntungan kepada pelabur yang sedia ada. Apabila hal ini terjadi (tiada lagi pelabur baru) maka pelabur yang sedia ada yang baru menyertai skim ini tidak akan mendapat pulangan dan akan kehilangan wang yang telah dilaburkan.
  - g. Tiada bukti menunjukkan pihak pengurus skim ini melaburkan wang yang terkumpul ke dalam mana-mana institusi kewangan atau pelaburan saham dalam atau di luar negara.

Bank Negara Malaysia dalam siaran akhbarinya pada 12 Ogos 2000 mengingatkan orang ramai supaya tidak terlibat dalam skim cepat kaya. Ini kerana risiko kehilangan wang mereka adalah tinggi. Tambahan pula pengambilan deposit oleh operator (pengusaha) skim daripada orang ramai tanpa lesen yang sah berdasarkan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 merupakan satu kesalahan, jika didapati bersalah, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda sehingga RM10 juta atau kedua-duanya sekali. Sekiranya kesalahan itu berterusan, denda harian sebanyak RM10 ribu akan dikenakan untuk setiap hari kesalahan tersebut diteruskan.

---

## HUJAH DAN DALIL

Setiap pelaburan atau perniagaan dalam Islam mestilah berdasarkan kehendak-kehendak syarak. Ia bukan semata-mata pelaburan yang mementingkan keuntungan sahaja tanpa mengambil kira kesan yang akan timbul terhadap individu atau anggota masyarakat mahupun negara. Perniagaan atau pelaburan dalam Islam mestilah bersih daripada unsur-unsur kezaliman, penipuan, penindasan dan menjurus kepada sesuatu perkara yang dilarang oleh Islam.

Sabda Nabi SAW : <sup>79</sup>

الْخَدِيْعَةُ فِي النَّارِ وَمَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ دَر

Maksudnya :

Penipu akan dimasukkan ke dalam neraka, dan sesiapa yang mengamalkan perkara yang bukan daripada amalan kami maka ia ditolak.

Sabdanya lagi:

<sup>80</sup> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ... مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:  
Sesiapa yang menipu bukanlah daripada kalanganku.

Menerusi skim cepat kaya ini, para pelabur dijanjikan keuntungan yang menarik dengan hanya bermodalkan wang atau caruman yang sedikit. Laporan yang diterima menunjukkan keuntungan tersebut bukan diperoleh dari hasil pelaburan atau perniagaan tetapi ia dibayar daripada wang pelabur yang baru. Ini bermakna skim ini akan terus beroperasi sekiranya ada pelabur baru dan ia mestilah berterusan selamanya. Perkara ini adalah mustahil dan sudah semestinya ia memudaratkan pelabur-pelabur baru yang wang mereka akan hangus begitu sahaja. Hal ini termasuk dalam kategori memakan harta orang lain secara batil yang tidak dibenarkan oleh Islam, Allah SWT berfirman:

---

79 Al-Hajjaj, Muslim, *Sahih Muslim bi sharh al-imam Muhyi al-Din al-Nawawi*, Kitab al-iman,

Bab Qaulu al-Nabi SAW: Man ghasyana palaisa minna, No. Hadis 280, jld.2, hlm. 292.

80 al-Quran, Surah al-Nisa', 4:29.

<sup>81</sup> يَتَأْكُلُوا مَوْلَكُم بَيْنَكُم بِالْبَطْلِ

Maksudnya :

Wahai orang beriman janganlah kamu memakan (gunakan) harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya).

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عُمَرِ بْنِ يَحْيَى الْمَازِينِيِّ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

<sup>82</sup> لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ

Maksudnya:

Daripada Amru bin Yahya al-Maziniy daripada bapanya, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidak boleh memudaratkan dan mendatangkan mudarat kepada orang lain.

Selain itu, skim ini jika dibiarkan berterusan boleh memudaratkan ekonomi negara. Bayangkanlah, dengan hanya menyimpan sejumlah wang yang sedikit menghasilkan keuntungan yang berganda. Ini akan menyebabkan orang ramai merasa tidak lagi perlu bekerja kerana wang boleh diperoleh dengan mudah tanpa sebarang usaha yang kuat. Menurut kaedah fiqh Islam, sekiranya sesuatu kemaslahatan dan kemudaratkan bertembung maka menolak kemudaratkan hendaklah diutamakan. Sekiranya bertembung, antara kemaslahatan individu dan masyarakat maka di utamakan kemaslahatan masyarakat. Kaedah fiqh menyatakan:

<sup>83</sup> درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya:

Menolak kerosakan lebih diutamakan daripada mendapatkan kemaslahatan.

---

81 al-Quran, Surah al-Nisa', 4:29.

82 Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, jld.2, hlm. 745.

83 al-Suyuti, Abd al-Rahman, *al-ashbah wa al-nazhair fi qawa'id wa furu' fiqh al-syaf'i*, hlm.217. Lihat juga, Abd al-Aziz Abd al-Azzam, *al-Maqasid al-shari'iyyah fi al-qawa'id al-fiqhiyyah*, hlm. 152

<sup>84</sup> تقدم المصالح العامة على المصلحة الخاصة عند التعارض

Maksudnya:

Hendaklah mengutamakan maslahat umum daripada maslahat khusus (individu) ketika bertentangan.

Justeru, jelaslah bahawa skim cepat kaya mengandungi unsur *gharar*, penipuan, riba, memanipulasi ketamakan manusia kepada harta benda dengan cara yang tidak diizinkan, mendapat keuntungan atas angin, dan mendapat keuntungan daripada hasil usaha orang lain dengan cara yang tidak sepatutnya adalah jelas bertentangan dengan hukum syarak.

---

<sup>84</sup> al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, *Dawabit al-maslahah fi al-syri'at al-Islamiyah*, hlm. 252,  
al-Tha'i, Ahmad Ulaiwi Husin, *al-muwazanah baina al-masalih dirasah tatbiqiyyah fi siasah  
al-syariyyah*, hlm. 107.

## FATWA KESEMBILAN BELAS

### HUKUM WANITA DAN ORANG BUKAN ISLAM SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-50 pada 10 Mei 2001 di Perlis telah Membincangkan Hukum Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

#### LATAR BELAKANG

Persoalan berkaitan hukum wanita dan orang bukan Islam sebagai amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri telah dikemukakan oleh LHDN berikutan cadangan untuk melantik LHDN sebagai amil bagi memungut zakat gaji dan pendapatan. Sebelum pelaksanaan pelantikan tersebut, LHDN memerlukan keputusan tentang hukum wanita dan orang bukan Islam dilantik sebagai amil. Ini kerana LHDN mempunyai pegawai wanita dan pegawai bukan Islam yang akan melaksanakan tugas-tugas tersebut.

#### HUJAH DAN DALIL

Amil ialah mereka yang dilantik untuk melaksanakan segala fungsi urusan zakat yang meliputi tugas memungut, menyimpan, mengagih dan mentadbir

wang zakat. Ia terdiri daripada pemungut, kerani, jurukira, pengagih, pentadbir, penjaga stor dan jawatan lain yang berkaitan.<sup>85</sup>

Menurut kitab ‘*Ianah al-Thalibin*, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, memahami hukum fiyah, mukallaf, merdeka, adil, mendengar, melihat, lelaki dan amanah.<sup>86</sup> Menurut Yusuf al-Qaradhawi, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, mukallaf, jujur, memahami hukum zakat, mampu melaksanakan tugas, adil, merdeka, bukan keturunan Nabi SAW, dan lelaki.<sup>87</sup>

Ibn Qudamah menyatakan bahawa setiap pekerjaan yang memerlukan syarat amanah (kejujuran) hendaklah disyaratkan Islam. Oleh itu urusan orang Islam tidak boleh diserahkan kepada orang kafir. Orang yang bukan Islam tidak boleh diserahkan urusan zakat kerana mereka tidak boleh dipercayai.<sup>88</sup> Menurut Mazhab Maliki, amil tidak boleh dilantik dari kalangan orang kafir, fasiq dan orang jahil.

Mengenai wanita sebagai amil zakat, tidak ada dalil khusus yang melarang wanita bekerja sebagai amil zakat. Walau bagaimanapun ada kaedah umum yang menyarankan supaya wanita bersikap malu dan menjauhkan diri dari berkerumun dan bergaul dengan lelaki tanpa ada kepentingan. Oleh itu pekerjaan sebagai amil zakat lebih baik dilakukan oleh lelaki, kecuali dalam hal-hal tertentu seperti wanita ditugaskan memberikan bantuan wang zakat kepada janda atau wanita yang lemah iaitu pekerjaan yang lebih sesuai dilakukan oleh wanita daripada lelaki.

Daripada hujah-hujah tersebut, dapat dirumuskan bahawa zakat adalah berkaitan dengan urusan agama, maka orang bukan Islam tidak boleh dilantik sebagai amil zakat. Adapun bagi wanita Islam mereka dibolehkan untuk menjadi amil zakat, namun demikian golongan lelaki adalah lebih diutamakan dalam perkara ini.

---

<sup>85</sup> Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld.2 hlm.579.

<sup>86</sup> Syed al-Bakri Mohamad Syatha al-Dimiyati, *Ianah al-thalibin*, jld. 2, hlm.190. 87

Al-Qaradhawi, Yusof, *Fiqh al-zakah*, jld. 2, hlm. 586-589.

<sup>88</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jld. 6, hlm. 424-425.

## FATWA KEDUA PULUH

### HUKUM ZAKAT FITRAH KE ATAS ORANG TAHANAN DAN BANDUAN ISLAM DI INSTITUSI PENJARA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Hukum Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan dan Banduan Islam di Institusi Penjara. Muzakarah memutuskan bahawa ia adalah wajib sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah iaitu :

- a. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- b. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari.
- c. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.
- d. Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari akhir Ramadan.

#### LATAR BELAKANG

Persoalan tentang perkara ini telah ditimbulkan oleh Jabatan Penjara Malaysia yang menghadapi masalah untuk memutuskan hukum sama ada orang tahanan atau banduan wajib membayar zakat fitrah atau tidak bagi dirinya ataupun orang yang berada di bawah tanggungannya. Isu yang ditimbulkan oleh Jabatan Penjara Malaysia tentang zakat fitrah orang tahanan atau banduan ialah:

- a. Mereka ialah orang yang berada dalam tahanan.
- b. Kebanyakan mereka mempunyai pendapatan dan wang simpanan.
- c. Keperluan asas mereka termasuklah makan minum ditanggung oleh Jabatan Penjara Malaysia.

## HUJAH DAN DALIL

Zakat fitrah ialah zakat yang dikeluarkan atas sebab berlalunya bulan Ramadan. Ia dinamakan juga dengan *sadaqah al-fitrah* dan *zakat al-fitrah* yang bermaksud kembali kepada fitrah (asal kejadian). Hikmah kewajipannya kepada umat Islam adalah untuk membersihkan jiwa dan amalan.<sup>89</sup>

Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardukan pada setiap individu muslim lelaki dan perempuan sama ada merdeka mahupun hamba. Dalam sebuah hadis disebutkan:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَرِضَ زَكَاةَ الْفُطْرِ مِنْ رَمَضَانَ  
<sup>90</sup> صَاعَ مِنْ نَمْرٍ أَوْ صَاعَ مِنْ شَعْبَرٍ عَلَى كُلِّ حُرَّ أَوْ عَبْدَ ذَكْرٍ أَوْ أُشْتَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya:

Daripada Ibn Umar, bahawa Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan ke atas manusia dengan mengeluarkan satu gantang kurma atau satu gantang *syair*<sup>91</sup> ke atas setiap orang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan yang terdiri daripada orang Islam.

Syarat wajib ke atas orang Islam mengeluarkan zakat fitrah untuk diri dan keluarga atau tanggungan ialah:

- a. Individu yang mempunyai lebihan makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- b. Anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada hari terakhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari.<sup>92</sup>
- c. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.

---

89 Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, jld.2, hlm. 917.

90 Abu Daud Sulaiman bin al-Ashas al-Sajistani, *Sunan Abu Daud*, Bab kam yuaddi fi sadakah al-fitrah, no.hadis 1613, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.th, jld.2, hlm.26. Berkata al-Albani, hadis ini adalah sahih.

91 Sejenis biji-bijian seumpama barli.

92 Permulaan satu Syawal yang bermula dari terbenamnya matahari pada akhir Ramadhan.

- d. Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari akhir Ramadan.<sup>93</sup>

Merujuk kepada hujah di atas, maka dapat disimpulkan bahawa setiap banduan atau orang tahanan, wajib mengeluarkan zakat fitrah sekiranya memenuhi syarat-syaratnya.

---

<sup>93</sup> Buku panduan zakat di Malaysia, Jakim, hlm.8.

## FATWA KEDUA PULUH SATU

### HUKUM ZAKAT, KORBAN DAN AKIKAH KE ATAS TERNAKAN RUSA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 di Kedah telah membincangkan Hukum Zakat, Korban dan Akikah Ke Atas Rusa. Muzakarah memutuskan bahawa:

1. Rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan akikah.
2. Sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%.

#### LATAR BELAKANG

Hukum zakat, korban dan akikah telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atas permintaan Deer Farm Sdn. Bhd., anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor. Penternakan rusa sedang giat dijalankan secara komersial di Ladang Ternak Balau, Johor. Penternakan rusa ini dijalankan di kawasan seluas 500 ekar bertanam rumput dan berpagar. Makanan utama bagi rusa ini ialah rumput dan 10-20% ialah makanan tambahan.

Baka-baka rusa yang diternak di ladang ini ialah jenis *Fallow* dari New Zealand yang dibawa khusus ke Malaysia untuk pasaran di dalam dan di luar negara. Harga daging rusa di pasaran tempatan ialah di antara RM30 - RM50 bagi satu kilogram. Manakala harga bagi seekor rusa jantan ialah antara RM 700 - RM 800, dan bagi seekor baka betina ialah dalam lingkungan RM 3000.<sup>94</sup>

---

<sup>94</sup> Berdasarkan kadar harga pasaran pada tahun 1993.

## HUJAH DAN DALIL

### 1. Zakat Rusa Dan Perkiraannya

Dalam konteks zakat binatang, para ulama bersepakat bahawa binatang dari jenis *al-an'am* iaitu unta, lembu (termasuk kerbau) dan kambing (termasuk biri-biri dan kibas) adalah diwajibkan zakat ke atas penternakannya apabila mencukupi syarat-syarat berikut:

- a. binatang jinak,
- b. cukup nisab iaitu 5 ekor bagi unta, 30 ekor bagi lembu dan 40 ekor bagi kambing,
- c. cukup haul (setahun),
- d. diternak di padang rumput dan tidak digunakan untuk melakukan kerja-kerja seperti membajak, ditunggang dan membawa barang-barangan.<sup>95</sup>

Binatang ternak seperti unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri, termasuk dalam kategori *al-an'am* kerana ia merupakan binatang yang jinak dan banyak memberi faedah kepada manusia. Allah SWT berfirman:

وَالْأَنْعَمُ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفَءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ  
وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرْحُونَ وَحِينَ تَسْرُّحُونَ  
أَنْقَالَكُمْ إِلَى بَلَدٍ لَمْ تَكُونُوا بَلِّغِيهِ إِلَّا بِشَقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ  
لَرْءَوْفُ رَّحِيمٌ  
<sup>96</sup>

Maksudnya:

Dan binatang-binatang ternak itu, ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain, dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu keindahan

---

<sup>95</sup> Al-Zuhaily, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, t.th, jld.2, hlm. 833-834. <sup>96</sup> al-Quran, Surah al-Nahl, 16:5-7.

(yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.

Merujuk kepada perihal tersebut, rusa tidak boleh diklasifikasikan sebagai binatang *al-an'am* yang wajib dikenakan zakat binatang kerana ia merupakan sejenis binatang liar. Walau bagaimanapun, rusa boleh dikenakan zakat atas perkiraan zakat perniagaan kerana rusa bersifat subur dan berkembang biak (*al-nama'*).<sup>97</sup> Kadar zakat binatang yang diternak untuk tujuan perniagaan ialah sebanyak 2.5% daripada nilai keseluruhan yang dijual. Kaedah ini adalah berdasarkan amalan yang dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab RA yang meletakkan kadar zakat kuda berdasarkan harganya iaitu emas sebanyak 2.5%.

## 2. Hukum Menjadikan Rusa Sebagai Binatang Korban Dan Akikah

Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa binatang-binatang yang boleh dibuat korban dan aqiqah ialah binatang-binatang yang termasuk dalam “*bahimah al-an'am*” yang diwajibkan zakat iaitu unta, lembu (termasuk kerbau) dan kambing (termasuk biri-biri dan kibas).

---

<sup>97</sup> Al-Qardhawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakat*, Muassasah al-Risalah, t.th, jld. 1, hlm. 233-234.

## FATWA KEDUA PULUH DUA

### SAHAM WAKAF DAN WAKAF GANTIAN

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 di Kuala Lumpur telah membincangkan hukum berkaitan Saham Wakaf Dan Wakaf Gantian (*Wakaf Ibdal*). Muzakarah memutuskan bahawa:

1. Mengadakan saham wakaf yang *musytarik* dengan syarikat-syarikat perniagaan melalui belian saham, kemudian diwakafkan dengan tujuan memajukan harta wakaf, adalah diharuskan mengikut syarat-syarat wakaf.
2. Wakaf Gantian (*wakaf ibdal*) yang bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf, adalah diharuskan mengikut pendapat Imam Abu Hanifah.

#### LATAR BELAKANG

Sebagaimana yang telah termaktub dalam Persidangan Ketua-Ketua Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia Kali Ke-18 pada 21 April 1981 di Kota Kinabalu, Sabah, Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor telah diminta supaya menyediakan kertas kerja berkaitan dengan Saham Wakaf dan Wakaf Gantian (*wakaf ibdal*) untuk dibahaskan dalam perjumpaan Majlis Mufti seluruh Malaysia.

Saham Wakaf merangkumi dua pengertian iaitu, a) mewujudkan suatu wakaf *musytarik* melalui saham-saham dengan syarat-syarat wakaf. b) ia merujuk kepada usaha mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan melalui belian dan kemudian diwakafkan atau pewakafan saham-saham yang telah sedia ada.

Manakala Wakaf Gantian boleh dirujuk kepada gabungan tiga istilah yang saling berkaitan iaitu *istibdal* (استبدال), *abdal* (أبدال) dan *badal* (بدل) atau *tabadul* (تبادل). *Istibdal* ertiannya menjual harta wakaf dengan wang. *Abdal* pula merujuk kepada belian harta wakaf dengan mata wang, dan *badal* atau *tabadul* bermaksud menukar harta wakaf dengan harta lain. Ketiga-tiga istilah ini disatukan dan disebut sebagai *istibdal* iaitu menukar atau menggantikan harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf.

## **HUJAH DAN DALIL**

Ulama berselisih pendapat dalam membolehkan *istibdal* terhadap harta wakaf. Imam Malik menegah amalan *istibdal* kecuali kerana darurat dan hajat seperti membesarakan masjid atau tanah perkuburan. Adapun berkaitan wakaf yang boleh alih, imam Malik mengharuskan *Istibdal* kerana perbuatan itu akan dapat mengekalkan wakaf. Imam Syafie pula tidak mengharuskan sama sekali *istibdal* sekalipun masjid yang diwakafkan telah roboh dan tidak boleh digunakan.<sup>98</sup> Segala alat-alatan hanya dibenarkan sebagai hibah kepada masjid yang lain sahaja. Manakala Imam Abu Hanifah, amalan *istibdal* diberi keluasan jika *istibdal* itu lebih memberi faedah yang mendatangkan hasil yang lumayan. Imam Abu Hanifah berpendapat sesuatu harta wakaf itu boleh dijual apabila keadaan memerlukan.<sup>99</sup>

Selaras dengan perubahan zaman di mana pembangunan sedang berjalan dengan pesat, maka sudah sampai masa segala amalan wakaf dan urusan-urusan tentangnya diubahsuai dengan tidak terikat kepada Mazhab Syafie sahaja. Kaedah-kaedah pengurusan wakaf perlulah didasarkan kepada Mazhab Hanafi atau mana-mana mazhab yang lebih sesuai dengan keadaan dan masa.

Namun demikian, amalan tersebut hendaklah dibuat dengan berhati-hati supaya tidak dipergunakan sewenang-wenangnya. Bagi mengimarahkan mana-mana tanah wakaf yang terbiar, maka diutamakan ia diurus melalui Saham Wakaf. Sekiranya tidak dapat diimarahkan dengan saham wakaf kerana sebab-sebab tertentu, maka amalan melalui *istibdal* bolehlah dilaksanakan dengan syarat-syarat tertentu dan pentadbiran yang sempurna.

---

98 Al-Zarkashi, ‘ilm al-sajid bi ahkam al-masajid. hlm.345.

99 Al-Zuhaily, Wahbah, al-Wasaya wa al-waqf fi al-fiqh al-Islami, hlm.133&135.

## FATWA KEDUA PULUH TIGA

### HUKUM MEMBANGUNKAN TANAH WAKAF KHAS DENGAN MEMBANGUNKAN SELAIN NIAT ASAL PEWAKAF

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-80 pada 1-3 Februari 2008 di Terengganu telah membincangkan Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Membangunkan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf di Kuala Terengganu. Dalam persidangan ini, muzakarah memutuskan:

Membangunkan tanah Wakaf Khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam, dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam.

#### LATAR BELAKANG

Pembangunan tanah wakaf jika dilaksanakan secara profesional dan efisien dapat memberi faedah yang besar kepada kemajuan ekonomi umat Islam dan negara. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), sehingga kini keluasan tanah wakaf di Malaysia dianggarkan berjumlah 36,000 hektar yang keluasan tanah Wakaf Khas di negara ini dianggarkan lebih besar berbanding dengan keluasan tanah Wakaf Am. Misalnya pada tahun 2005, keluasan tanah wakaf khas yang direkodkan di Johor dianggarkan berjumlah 51,686 ekar berbanding wakaf am yang hanya mencatat sebanyak 18,740 ekar. Di Kedah, pada tahun yang sama, jumlah tanah wakaf khas dianggarkan berjumlah 203 ekar manakala wakaf am ialah 32 ekar.

Wakaf merupakan suatu dedikasi harta di mana harta berkenaan di tahan dan hanya manfaatnya sahaja diaplikasikan bagi tujuan-tujuan kebajikan

sama ada secara umum atau khusus. Secara umumnya terdapat dua kategori wakaf<sup>100</sup> iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ialah wakaf yang manfaatnya ditujukan untuk kegunaan semua golongan masyarakat.<sup>101</sup> Wakaf khas pula adalah merujuk kepada wakaf yang manfaatnya didedikasikan untuk tujuan atau golongan tertentu. Dalam hal ini, pewakaf telah menentukan sejak awal lagi benefisiari (penerima manfaat) atau tujuan sesuatu wakaf yang dibuat.<sup>102</sup>

Seiring dengan persekitaran global yang kian mencabar dewasa ini, peranan wakaf harus diterjemahkan menerusi skop yang lebih luas. Dalam hal ini, konsep harta wakaf tidak boleh dilihat dari aspek keagamaan dan kerohanian semata-mata. Fungsi dan peranan wakaf perlu diperkasa dari segi potensinya kepada penjanaan ekonomi, pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf pendidikan dan kesihatan, pembangunan penyelidikan dan sebagainya bagi kepentingan umat Islam.

Pembangunan tanah wakaf sewajarnya dilaksanakan secara profesional dan efisien kerana pulangan hasilnya akan memberikan impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi umat Islam khususnya serta negara amnya. Isu pembangunan tanah wakaf terbiar khususnya wakaf khas yang tidak dimajukan disebabkan oleh beberapa faktor telah diutarakan oleh beberapa pengkaji menerusi kajian dan penulisan akademik tentang harta wakaf.<sup>103</sup> Antara faktor-faktor utama yang dikenal pasti ialahkekangan dari sudut kewangan, konflik perundungan, kedudukan tanah wakaf di zon tidak ekonomik, keluasan tanah yang terhad, ketidaksesuaian struktur fizikal tanah dengan tujuan wakaf (seperti tanah berpaya) serta persekitaran komuniti yang tidak kondusif (misalnya tanah wakaf masjid yang terletak di kawasan komuniti bukan beragama Islam) dan sebagainya.

---

<sup>100</sup> Wakaf mempunyai empat rukun iaitu pewakaf (*waqif*), penerima wakaf (*mawquf 'alaiah*), harta yang diwakaf (*mauquf*) dan *sighah*.

<sup>101</sup> Mohd. Zain b. Haji Othman, *Islamic law with special reference to the institution of waqf*, hlm. 111.

<sup>102</sup> Ibid.

<sup>103</sup> Lihat misalnya Siti Mashitoh Mahamood, *Masalah Undang-Undang Dalam Pentadbiran Harta Amanah Wakaf di Malaysia dalam Harta amanah orang Islam di Malaysia mengikut perspektif undang-undang dan pentadbiran*, hlm. 107-122; Kamaruddin Ngah, *Isu pembangunan tanah wakaf*, hlm. 70.

YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke-5, melalui kenyataannya kepada pihak media telah mengemukakan saranan agar Majlis Fatwa Kebangsaan meneliti dan mengkaji dari aspek perundangan syarak berhubung hukum membangunkan tanah wakaf khas secara komersial tanpa mengetepikan kehendak syariat. Misalnya, adakah undang-undang Islam membenarkan sesuatu tanah wakaf khas untuk masjid dibina bangunan bertingkat yang menempatkan masjid dan lot-lot perniagaan bagi memaksimumkan penggunaan tanah yang mana hasil daripada sewa bangunan tersebut disalurkan kepada masjid dan umat Islam.<sup>104</sup>

Bagi memastikan pembangunan tanah wakaf dapat dieksplotasi secara optimum serta menepati kehendak syarak, persoalan yang memerlukan penentuan dari segi perundangan Islam tentang pembangunan harta wakaf seperti hukum membangunkan tanah wakaf khas misalnya wakaf masjid yang dibangunkan di atasnya bangunan selain masjid yang hasil sewaan bangunan tersebut disalurkan kepada masjid perlulah ditentukan status hukumnya terlebih dahulu.

## HUJAH DAN DALIL

Wakaf merupakan satu amalan yang digalakkan oleh Allah SWT sesuai dengan ayat 92 dari surah Ali `Imran seperti berikut:

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ

<sup>105</sup> آللَّهُ بِهِ عَلِيهِ

Maksudnya:

Kamu tidak akan sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebijikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

---

<sup>104</sup> Bangunkan Tanah Wakaf, *Utusan Malaysia Online*, 9 Jun 2007. 105 al-Quran, Surah al-Imran, 3:92

Menurut Anas bin Malik, Abu Talhah telah meminta penjelasan lanjut daripada Rasulullah SAW tentang maksud ayat di atas. Baginda Rasulullah SAW menjelaskan bahawa antara sedekah harta yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah wakaf. Sebaik sahaja Abu Talhah mendengar penerangan tersebut, beliau telah mewakafkan kebun kesayangannya, Bayruha untuk tujuan kebajikan.<sup>106</sup>

Umat Islam sememangnya digalakkan untuk menginfakkan harta serta bersedekah bagi membantu golongan yang lemah dan memerlukan. Amalan ini sebenarnya menggambarkan kecintaan seseorang Muslim bukan sahaja kepada perkara kebajikan malahan kasih sayang kepada saudara sesama Islam yang dijanjikan oleh Allah SWT dengan ganjaran pahala berlipat ganda di dunia dan di akhirat menerusi ayat 77, surah *al-Hajj*:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَرْكِعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ

<sup>107</sup>

وَافْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya) serta kerjakanlah amalan-amalan kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Pengiktirafan terhadap amalan perwakafan turut disandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةً جَارِيَةً أَوْ عِلْمًا يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُو لَهُ.

<sup>108</sup>

Maksudnya:

Apabila telah mati seseorang anak Adam, maka terputuslah segala

106 Al-Syarbini, Shamsuddin, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*, hlm.485.

107 al-Quran, Surah al-Hajj, 22:77

108 *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam Muhyiddin al-Nawawi*, kitab al-wasiyyah, jld.11, hlm.87.

amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ataupun ilmu yang dimanfaatkan, ataupun anak yang soleh yang mendoakan untuknya.

Prinsip utama yang mendasari amalan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas ialah harta wakaf itu tidak boleh dijual, tidak boleh diberikan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi.<sup>109</sup> Merujuk kepada usaha-usaha membangunkan harta wakaf, jumhur fuqaha mengharuskan pembangunan dilaksanakan atas harta wakaf kerana sekiranya tiada usaha sedemikian dilaksanakan akan menyebabkan sesuatu harta itu rosak binasa dan tidak dapat dimanfaatkan. Hasil daripada pembangunan tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan wakaf.

Majma' Fiqh al-Islami dalam membincangkan isu pelaburan harta wakaf telah mengharuskan agar hasil daripada harta wakaf dilaburkan meskipun tidak disyaratkan oleh pewakaf. Ini bagi memastikan niat atau tujuan pewakaf dapat dikekalkan selama-lamanya dan ia tidak boleh dilaksanakan melainkan dengan membangunkan harta tersebut.<sup>110</sup>

Imam Subki menyatakan adalah harus diubah sesuatu wakaf bagi tujuan maslahah dengan tiga syarat iaitu tidak berubah namanya dan tidak hilang ‘ain wakaf tersebut. Begitu juga tidak salah memindahkannya dari satu pihak ke pihak yang lain. Malah harus bagi wakaf sesuatu kampung (kawasan tanah) untuk golongan tertentu didirikan masjid, tanah perkuburan dan saluran bekalan air di atas tanah tersebut.<sup>111</sup>

Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani menyebut bahawa demi kepentingan masjid, adalah harus disewakan ruang halaman masjid kepada peniaga-peniaga untuk kebaikan masjid. Ini boleh dilakukan dengan mendapatkan kebenaran Qadi terlebih dahulu. Manakala upah sewa tersebut

---

<sup>109</sup> Seksyen 4 (2), Enakmen Wakaf Selangor 1999 telah memperuntukan ketiga-tiga prinsip di atas iaitu: *Sesuatu Wakaf yang telah berkuatkuasa, tidak boleh dijual atau dihibah oleh waqif atau diwarisi oleh mana-mana orang.*

<sup>110</sup> *Majallah Majma' al-fiqh al-Islami al-daurah al-thalithah li mu'tamar Majma' al-Fiqh al-Islami*, bil. 23, jld.2, hlm.16.

<sup>111</sup> Al-Qalyubi, *Shihab al-Din Ahmad ibn Ahmad Qalyubi wa-'umayrah : hashiyatan 'ala sharh al-'allamah Jalal al-Din al-Mahalli 'ala Minhaj al-talibin lil-Muhyi al-Din al-Nawawi fiqh madhhab al-Imam al-Shafie*, hlm.107.

mendapatkan kebenaran Qadi terlebih dahulu. Manakala upah sewa tersebut hendaklah dibelanjakan untuk manfaat masjid dan fakir miskin.<sup>112</sup>

Dar al-Ifta' Mesir telah mengeluarkan fatwa bahawa harus membangunkan bangunan pangsapuri supaya dapat dijadikan pelaburan untuk kebaikan tanah waqaf, masjid dan orang-orang fakir miskin.<sup>113</sup> Fatwa ini adalah berdasarkan kepada pandangan di dalam Mazhab Hanafi bahawa demi kepentingan memelihara dan memulihara masjid, ruang halaman masjid boleh disewakan kepada peniaga-peniaga. Hasil sewaan tersebut hendaklah dibelanjakan untuk manfaat masjid dan fakir miskin. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat keizinan daripada Qadi.<sup>114</sup>

Perkara yang mesti diberikan perhatian ialah memastikan pangsapuri itu tidak disewakan bagi tujuan yang ditegah oleh syarak demi memelihara kehormatan dan kemuliaan masjid serta tanah wakaf di samping tidak menggunakan hasil daripada sumber wang yang haram untuk dibelanjakan bagi tujuan masjid, tanah wakaf dan fakir miskin.<sup>115</sup>

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa fuqaha membenarkan sesuatu tanah wakaf khas sama ada wakaf masjid atau bukan masjid seperti sekolah dan sebagainya dibangunkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat menjana pendapatan. Manakala hasil atau manfaat yang diperolehi dikembalikan kepada wakaf seperti membenarkan lot-lot perniagaan dibina di atas tanah wakaf dan hasilnya disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan bangunan dan tanah wakaf tersebut.<sup>116</sup>

---

<sup>112</sup> *Al-Hidayah wa Fath al-Qadir*, jld.6, hlm.65.

<sup>113</sup> *Al-Fatawa al-Islamiyyah*, Dar al-Ifta' al-Misriyyah, jld. 26, hlm.3257. 114 Ibid, hlm.3256-3257.

<sup>115</sup> Ibid, hlm.3257.

<sup>116</sup> Ibn Taymiyyah, hlm.8.

## FATWA KEDUA PULUH EMPAT

### KAJIAN HUKUM INSURANS AM

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-80 yang telah bersidang pada 1- 3 Februari 2008 di Terengganu telah membincangkan Hukum Insurans Am. Muzakarah memutuskan bahawa:

Hukum ke atas Insurans Am adalah tidak diharuskan oleh Islam.

#### LATAR BELAKANG

Kajian berkaitan Hukum Insurans Am telah diusulkan di dalam Mesyuarat Pengumpulan Kertas-Kertas Fatwa JAKIM pada Jun 2007 memandangkan hanya keputusan fatwa berkaitan hukum insurans nyawa telah diputuskan oleh ahli- ahli MJKF tetapi keputusan fatwa berkenaan Insurans Am masih belum diputuskan di peringkat MJKF.

Ahli-ahli MJKF ketika membincangkan dalam sidangnya kali ke- 16 pada 15-16 Februari 1979 berkaitan hukum insurans nyawa (konvensional) telah bersetuju memutuskan bahawa:

Insurans nyawa sebagaimana yang dijalankan oleh syarikat-syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah suatu muamalat yang fasad kerana tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam dari segi akadnya: mengandungi *gharar* (ketidaktentuan); mengandungi unsur judi; mengandungi muamalah riba, maka hukumnya adalah haram.

*Ensiklopedia Britannica* mendefinisikan insurans ialah satu kumpulan yang membuat kutu bagi meringankan beban kewangan individu dan menghindarkan kesulitan perbelanjaan. Konsep insurans yang ringkas dan

umum ialah persediaan yang dibuat oleh sekumpulan orang yang masing-masing menghadapi kerugian kecil sebagai sesuatu yang tidak dapat diduga. Apabila kerugian seumpama itu terkena ke atas salah seorang daripada mereka yang menganggotai kumpulan itu, maka kerugian itu akan diagihkan di antara mereka.<sup>112</sup>

Mengikut *Common Law* Inggeris, kontrak insurans ditakrifkan sebagai satu kontrak di mana satu pihak (penerima bayaran polisi atau *insurer*) bertanggungjawab kerana satu alasan untuk membayar wang atau menyediakan perkhidmatan bagi faedah satu pihak yang lain (pembayar polisi atau *insured*), apabila berlakunya sesuatu kejadian yang tidak pasti sama ada kejadian itu berlaku. Tujuan perlindungan ini adalah untuk memberi gantirugi atau apa-apa bayaran terhadap kerugian yang diakibatkan oleh kejadian, atau kerana umur yang tua atau kepada faedah orang lain dengan kematian *insured*.<sup>117</sup>

Oleh sebab terdapat elemen-elemen tidak pasti pada masa hadapan di dalam definisi di atas, *Common Law* Inggeris sendiri menganggap kontrak insurans mempunyai persamaan dengan kontrak perjudian. Cuma objektif kontrak tersebut yang bertujuan untuk mengurangkan risiko kerugian atau kerosakan pihak-pihak yang diinsuranskan yang menyebabkan kontrak ini berbeza dengan kontrak perjudian.

Dalam perkataan lain, insurans difahami sebagai satu kaedah oleh sekumpulan orang yang berikrar untuk mengumpul serta menggembangkan usaha bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung menanggung sesama mereka jika ditakdirkan mana-mana ahli kumpulan ditimpa musibah. Melalui sistem ini, mana-mana ahli yang ditimpa musibah akan mendapat manfaat perlindungan yang berupa sejumlah wang tertentu yang diambil daripada sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli berkenaan. Dengan kaedah ini, penderitaan yang disebabkan oleh musibah atau bencana tersebut dapat diringankan sedikit oleh ahli-ahli yang lain.<sup>118</sup>

---

<sup>117</sup> Entri perkataan ‘Insurance’ dalam *The New Encyclopedia Britannica* (1985), vol. 21. Chicago: The Chicago Press, h. 678.

<sup>118</sup> Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, hlm. 6-7

Skim-skim Insurans Am menawarkan kemudahan program kewangan jangka pendek dengan matlamat untuk menyediakan tabungan sebagai suatu jalan ikhtiar bagi membantu peserta meringankan apa-apa beban kewangan yang perlu ditanggung akibat suatu musibah atau bencana yang menimpa harta bendanya. Dengan kata lain, perniagaan Insurans Am menyediakan sistem untuk mengumpulkan sejumlah wang supaya manfaat perlindungan terhadap harta benda seperti rumah, kenderaan, barang dagangan, kilang dan seumpamanya dapat dikeluarkan jika ditakdirkan sesuatu kemalangan menimpa harta benda tersebut. Tempoh skim-skim Insurans Am rata-ratanya adalah setahun dan boleh diperbaharu apabila tempohnya tamat.

## **HUJAH DAN DALIL**

Dalam sistem Insurans Am, kontrak perlindungan adalah antara syarikat dan peserta. Dengan termeterainya kontrak ini, bermakna perlindungan dijamin oleh syarikat di bawah transaksi jual beli. Ertinya risiko yang dilindungi itu ditanggung oleh syarikat. Jika berlaku musibah tertentu, maka syarikat yang menjamin perlindungan akan menentukan bayaran pampasan kepada pihak yang diberi perlindungan. Manakala sebarang keuntungan yang diperolehi oleh syarikat insurans daripada perniagaan yang dikendalinya akan menjadi hak syarikat terbabit.

Ini berbeza dengan amalan syarikat takaful di mana kontrak perlindungan adalah antara para peserta sesama mereka dan sehubungan itu, masing-masing merupakan pihak yang diinsuranskan (*insured*) dan penanggung insurans (*insurer*). Ini kerana kontrak utama dalam takaful ialah *tabarru'at* iaitu di mana segala sumbangan atau bayaran premium ialah sumbangan derma seorang peserta kepada dana takaful untuk perlindungan bersama apabila salah seorang peserta menghadapi risiko yang telah dinyatakan dalam polisi insurans.<sup>119</sup> Konsep ini berlaku di kalangan dan kelompok para peserta sahaja di mana syarikat pengendali takaful bukanlah pihak dalam kontrak ini. Peranan syarikat takaful hanyalah sekadar pengurus risiko. Manakala kontrak para peserta dengan pihak pengendali takaful berlesen adalah sebuah kontrak komersil yang

---

<sup>119</sup> Nik Ramlah Nik Mahmood (1996), *Insurance Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworth, hlm. 286-287

lain iaitu kontrak *mudharabah* untuk tujuan melaburkan dana takaful untuk perkembangan dana.<sup>120</sup>

Untuk memberikan perlindungan Insurans Am, syarikat insurans konvesional akan mengutip wang premium. Wang yang dikumpul daripada premium insurans ini akan dilabur dalam pelaburan atau deposit tetap berbunga. Sebahagian yang lain dilaburkan dalam pasaran saham terutamanya di kaunter tidak lulus Syariah, pelaburan dalam akaun tetap atau bon-bon konvensional dan sebagainya. Apabila berlaku tuntutan, sebahagian wang hasil pelaburan yang tidak berlandaskan Syariah ini akan dibayar kepada pelanggan. Ini menunjukkan bahawa syarikat insurans konvesional menggunakan wang hasil riba untuk membayar kepada pelanggannya yang membuat tuntutan.

Manakala dalam takaful, setiap sumbangan yang dicarumkan oleh peserta akan dipecahkan kepada dua akaun iaitu Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta. Proses pengurusan sumbangan ini akan dilakukan oleh pengendali takaful dan proses pengembangan dana dilakukan menerusi pelaburan (*mudharabah*). Hasil keuntungan daripada aktiviti pelaburan ini akan dikongsi di antara peserta dan pengendali takaful berdasarkan peratusan yang dipersetujui bersama. Berbeza dengan kontrak insurans konvesional, prinsip perkongsian keuntungan ini tiada kerana wang hasil dana terkumpul adalah milik mutlak syarikat insurans dan terpulang kepada syarikat terbabit untuk mengendali dan menguruskannya.

Dalam Insurans Am, jika risiko berlaku terhadap orang yang dilindungi (*insured*), pihak pengendali insurans akan kerugian. Sebaliknya jika risiko tadi tidak berlaku, pelanggan tadi akan kerugian. Ini membawa kepada amalan perjudian. Contohnya jika berlaku kemalangan kereta, syarikat insurans akan kerugian kerana terpaksa membayar kos membaiki kereta, sebaliknya jika kemalangan tidak berlaku, syarikat insurans akan untung daripada polisi tamat tempoh yang tidak dituntut, dan peserta itu pula yang akan kerugian kerana wang premiumnya hangus.

---

<sup>120</sup> Mohd Daud Bakar, Konsep dan Operasi Takaful: Satu Kajian Perbandingan Antara Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Undang-Undang Perbandingan, anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 12- 13 Jun 2001, hlm. 8 .

Berkenaan unsur *gharar* dalam Insurans Am, ia boleh berlaku dalam situasi-situasi berikut:

- a. *Gharar* tentang keputusan kontrak. Dalam kontrak insurans, pihak yang dilindungi (*insured*) mahupun pihak syarikat insurans tidak mengetahui hasil sebenar kontrak yang dibuat. Pihak yang dilindungi tidak mengetahui sama ada dia akan dibayar pampasan sebagai pertukaran kepada premium yang dibayar, begitu juga dengan syarikat insurans.
- b. *Gharar* dalam pertukaran. Kontrak jual beli yang sah melibatkan proses pertukaran. Dalam kontrak jual beli insurans, pihak yang dilindungi tidak mengetahui sama ada dia akan memperolehi pampasan bagi premium yang dibayarnya. Begitu juga dengan syarikat insurans di mana ia tidak mengetahui berapa banyak premium yang dapat dipungutnya untuk satu-satu polisi. Adakah ia hanya menerima premium untuk beberapa ketika tetapi perlu membayar pampasan yang tidak setimpal dengan jumlah premium yang diperolehi.
- c. *Gharar* tentang tempoh kontrak. Apabila berlaku satu-satu kontrak secara bertangguh, tempohnya perlu diketahui, jika tidak ia dikira batal. Begitu juga dengan kontrak insurans di mana pampasan tadi mungkin dibayar tetapi pada satu tempoh masa yang tidak diketahui.

Kontrak insurans konvensional yang berasaskan kepada penjualan polisi inilah menjadi sebab utama kenapa insurans nyawa diharamkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kerana ia mempunyai unsur *gharar*, judi dan riba.<sup>121</sup> Unsur inilah yang menyebabkan insurans konvensional menjadi tidak patuh Syariah.

---

<sup>121</sup>Muhammad Yamin Ismail (1998), Perbandingan Kontrak Insurans Konvensional dan Islam: Analisis Khusus Terhadap Operasi Syarikat Takaful dan MCIS Insurance Berhad di Malaysia (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

## FATWA KEDUA PULUH LIMA

### HUKUM BAYARAN ZAKAT ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Hukum Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia. Muzakarah memutuskan bahawa:

1. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) wajib mengeluarkan zakat setelah ditolak semua perbelanjaan perkhidmatan, pengurusan dan cukai pendapatan kiranya cukup *haul* dan nisab dengan kadar 2.5%.
2. Zakat hendaklah dibayar berdasarkan kepada pendapatan dan keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan apabila mendapat pertumbuhan, perkembangan dan pembesaran berbanding nilai dan modal.

#### LATAR BELAKANG

ANGKASA merupakan sebuah koperasi *apex* yang menggabungkan semua jenis koperasi asas, menengah dan atasan di seluruh negara. ANGKASA diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili Pergerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan diiktiraf oleh kerajaan di bawah seksyen 57 akta yang sama.

Keanggotaannya terdiri daripada koperasi-koperasi, bukan orang perseorangan dan tidak ada modal dan tidak menjalankan apa-apa perniagaan berdasarkan pengeluaran produk. Tujuan asal ia ditubuhkan adalah untuk :

- a. menyatukan pergerakan koperasi tanah air supaya boleh bercakap sebagai satu suara,
- b. mengembangkan konsep dan prinsip berkoperasi menerusi pendidikan dan sebagainya, dan
- c. mengadakan perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh koperasi ahli ANGKASA setakat kemampuannya.

Sebagai badan *apex*, ANGKASA tidak mengenakan apa-apa bayaran atau *fee* kepada koperasi yang menjadi ahli kecuali bayaran masuk.<sup>122</sup> Kewangan ANGKASA diperoleh daripada:

- a. peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPK),
- b. bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada koperasi yang menggunakan kemudahan potongan gaji Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA), dan
- c. skim Amanah Saham yang ditubuhkan oleh ANGKASA.

Sebahagian wang yang diperoleh digunakan untuk program latihan termasuk mengadakan bengkel, seminar dan belanja perwakilan ANGKASA menghadiri majlis atau mesyuarat sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Manakala lebihan wang tersebut dibawa ke tahun hadapan. Persoalan yang timbul ialah adakah ANGKASA perlu mengeluarkan zakat daripada keuntungan yang diperoleh menerusi operasi perniagaan tidak langsung (tanpa produk), pendapatan dan laba daripada sektor pelaburan yang diceburi? Apakah ANGKASA memenuhi kriteria *syakhsiah maknawiyyah* atau *i'tibariyyah* dan dikategorikan mukalaf sebagai individu Muslim?

## **HUJAH DAN DALIL**

Memandangkan ANGKASA mempunyai pendapatan sendiri walaupun tiada pegangan saham atau kepentingan individu di dalamnya, ANGKASA sendiri boleh diiktiraf sebagai sebuah syarikat muslim dan ia boleh dianggap sebagai *syakhsiah maknawiyyah* atau *i'tibariyyah* dalam penentuan zakat.

---

<sup>122</sup> Rujuk , Seksyen 57 (3) (b) Akta Koperasi 1993.

Al-Quran menjelaskan bahawa zakat wajib dikeluarkan pada emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, harta perniagaan dan harta tersimpan dari perut bumi. Manakala selain yang tersebut, kewajipan berzakat disandarkan kepada dalil umum daripada kalimah “*amwal*” yang bermaksud “harta” sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taubah:

<sup>123</sup>

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتَرَكِيمٌ

Maksudnya:

Aambilah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyusucikan mereka (dari akhlak yang buruk).

Justeru, ANGKASA sebagai *syakhsiah i'tibariah* (dianggap sebagai seorang individu) wajib mengeluarkan zakat daripada keuntungan bersih kegiatan perniagaannya itu sebanyak 2.5% sebagai zakat perniagaan.

### Kewajaran Pembayaran Zakat Oleh ANGKASA

Terdapat beberapa kewajaran yang menuntut ANGKASA perlu mengeluarkan zakat. Antara lainnya adalah seperti berikut:

a. Menjalankan Aktiviti Perniagaan

ANGKASA merupakan badan koperasi dan bukan syarikat perniagaan. ANGKASA menyatakan tidak menjalankan apa-apa perniagaan dengan maksud koperasi tidak menjalankan aktiviti perniagaan yang melibatkan pengeluaran sesuatu jualan. Penglibatan ANGKASA dalam aktiviti perniagaan adalah secara tidak langsung seperti pendapatan daripada Bayaran Perkidmatan Potongan Gaji (BPA), sumbangan daripada koperasi-koperasi yang berada di bawahnya dan wang pelaburan dalam skim Tabungan Amanah Saham Angkasa dan dalam bank-bank.

---

<sup>123</sup> Al-Quran, Surah al-Taubah 9:103.

### b. Mempunyai Punca Pendapatan

ANGKASA adalah ditadbir mengikut konsep koperasi dan tidak bergiat dalam kegiatan perniagaan pengeluaran produk seperti koperasi-koperasi lain. ANGKASA yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 adalah sebuah koperasi yang turut mempunyai punca pendapatan melalui pelbagai sumber seperti pulangan bank, penjualan, sewaan dan pelaburan serta lain-lain pembayaran.

### c. Koperasi Sebagai Sebuah Syarikat

Berdasarkan konsep dan aktiviti ANGKASA, badan koperasi ini juga boleh dikategorikan sebagai syarikat iaitu penyertaan secara bersama dalam bentuk aktiviti yang dipersetujui. Dalam Islam ia mungkin boleh dikategorikan sebagai *syarikat inan*. *Syarikat inan* ialah perkongsian keuntungan tanpa ditentukan jumlah modal. Menurut Wahbah al-Zuhaily konsep perkongsian sebelah pihak menjalankan aktiviti (*al-amil*) dan sebelah pihak pencarum (*rab al-mal/al-malik*) ialah dikenali sebagai muamalat sebuah syarikat *mudharabah*.<sup>124</sup>

Berdasarkan fakta-fakta tersebut, operasi dan konsep perniagaan yang dijalankan oleh ANGKASA sebenarnya memenuhi kriteria sebagai sebuah badan yang mempunyai keuntungan dan pendapatan sama seperti sebuah syarikat. Oleh itu, amat wajar ANGKASA dikategorikan sebagai *syakhsiah al-maknawiyyah* atau *syaksiyyah iktibariyyah* yang perlu dikenakan zakat. Keupayaan secara kolektif oleh individu-individu yang mentadbir ANGKASA menjadikan badan koperasi ini mempunyai ciri-ciri mukalaf sama seperti *mukallaf al-fardiyah* yang secara umumnya wajib membayar zakat.

---

<sup>124</sup> Al-Zuhayli, Wahbah, *Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, Dar al-fikr al-muasir, Beirut, Lubnan, 1991, jid.3, hlm.1878.

### **b. Mempunyai Punca Pendapatan**

ANGKASA adalah ditadbir mengikut konsep koperasi dan tidak bergiat dalam kegiatan perniagaan pengeluaran produk seperti koperasi-koperasi lain. ANGKASA yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 adalah sebuah koperasi yang turut mempunyai punca pendapatan melalui pelbagai sumber seperti pulangan bank, penjualan, sewaan dan pelaburan serta lain-lain pembayaran.

### **c. Koperasi Sebagai Sebuah Syarikat**

Berdasarkan konsep dan aktiviti ANGKASA, badan koperasi ini juga boleh dikategorikan sebagai syarikat iaitu penyertaan secara bersama dalam bentuk aktiviti yang dipersetujui. Dalam Islam ia mungkin boleh dikategorikan sebagai *syarikat inan*. *Syarikat inan* ialah perkongsian keuntungan tanpa ditentukan jumlah modal. Menurut Wahbah al-Zuhaily konsep perkongsian sebelah pihak menjalankan aktiviti (*al-amil*) dan sebelah pihak pencarum (*rab al-mal/al-malik*) ialah dikenali sebagai muamalat sebuah syarikat *mudharabah*.<sup>124</sup>

Berdasarkan fakta-fakta tersebut, operasi dan konsep perniagaan yang dijalankan oleh ANGKASA sebenarnya memenuhi kriteria sebagai sebuah badan yang mempunyai keuntungan dan pendapatan sama seperti sebuah syarikat. Oleh itu, amat wajar ANGKASA dikategorikan sebagai *syakhsiah al-maknawiyyah* atau *syakhsiah iktibariyyah* yang perlu dikenakan zakat. Keupayaan secara kolektif oleh individu-individu yang mentadbir ANGKASA menjadikan badan koperasi ini mempunyai ciri-ciri mukalaf sama seperti *mukallaf al-fardiyah* yang secara umumnya wajib membayar zakat.

---

<sup>124</sup> Al-Zuhayli, Wahbah, *Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, Dar al-fikr al-muasir, Beirut, Lubnan, 1991, jid.3, hlm.1878.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran al-Karim

Abd al-Karim Zaidan. 2003. *al-Wajiz fi sharh al-qawaaid al-fiqhiyyah fi al-syariah al-Islamiyyah*. Bayrut; Muassasah al-Risalah.

Abd. al-Rauf al-Manawi. 1391H / 1972 *Fayd al-Qadir, Sharh al-Jamial-Saghir*. t.tp: Dar al-fikr.

Amaran Mengenai Swiss Cash atau Swiss Mutual Fund. Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia. 5 September 2006.

Abu Dawud, Sulayman Ibn al-Ashath al-Sajistani. t.th. *Sunan ‘Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *Usul al-fiqh*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.

Abd al-Azzam, Abd al-Aziz. 2001. *al-Maqasid al-shariyyah fi al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Bayan.

Abd al-Salam, Izz al-Din. 2000. *Qawa'id al-Kubra al-Mausum bi qawaaid al-'ahkam fi 'Islah al-'anam*, Tahqiq Nazih Kamal Hammad & Uthman Jum'ah. Dimashq: Dar al-Qalam.

al-Bayhaqi, Ahmad Ibn al-Husayn Ibn Ali Ibn Musa Abu Bakr al-Bayhaqi. 1414H / 1994. *Sunan Bayhaqi al-Kubra*. Tahqiq Muhammad Abd al-Qadir 'Ata. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Bariz.

al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il. 1987. *al-Jami'al-Sahih al-Mukhtasar*. Tahqiq. Mustafa Dib a-Bugha. Bayrut: Dar Ibn Kathir.

al-Buti, Muhammad Said Ramadan. 1982. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'at al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

Enakmen Wakaf Selangor 1999

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad. 1983. *al-Mustasfa*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1986. *Ihya' ulum al-din*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Great Eastern, <<http://www.lifeisgreat.com.my>>.

Hasan, Khalid Ramadan 1998. *Mu'jam Usul al-Fiqh*. Misr: Dar al-Tarabisi.

al-Haythami, Ali Ibn Abi Bakr. 1982. *Majma' al-zawa'id wa manba' al-fawa'id*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabi.

al-Hilali, Majdi. 1994. *Min fiqh al-awlawiyat fi al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Al-Husni, al-Shafi'i. 1994. *Kifayat al-Akhyar*, tahqiq Abd Hamid Ba Haji. Bayrut: Dar al-Khayr.

Ibn Abidin, Muhammad Amin Ibn Mukhtar Ibn 'Abd Aziz. 1966. *Hasyiah rad al-mukhtar 'ala al-dur al-mukhtar*. Bayrut; Dar al-Fikr.

Ibn al-Hazm. t.th. *al-Mahalla*. Tahqiq, Ahmad Shakir. al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.

Ibn al-Himam, Muhammad bin Abd al-Wahid. t.th. *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Ismail bin Kathir. 1997. *Tafsir al-quran al-azim*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Bayrut: Dar al-Bayrut.

Ibn Qudamah, Abu ‘Abd al-Lah Ibn Ahmad Ibn Muhammad. t.th.  
*al-Mughni wa sharh al-kabir ‘ala matn al-mughni fi al-fiqh al-imam Ahmad ibn Hanbal.* Bayrut; Dar al-Ma’rifah.

Ibn Rushd al-Hafid, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad  
bin Ahmad. t.th. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid.*  
Jld.-1. t.tp. : Dar al-Fikr.

Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abd al-Halim. 1398H. *Majmu’ fatawa.* Bayrut  
: Dar al-Arabiyah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. *Keputusan Fatwa Kebangsaan Siri 1.* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Penyelidikan. t.th. *Himpunan Fatwa Kebangsaan Malaysia (1970 an hingga 90 an).* Putrajaya: Bahagian Penyelidikan. Jabatan Penyelidikan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Jawziyyah, Shams al-Din Abi Abdillah Muhammad bin Abi Bakar Ibn al-Qayyim. 1414 H / 1993. *A‘lam al-Muwaqqi‘inan Rabb al-Alamin.* Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Jazairi, Abu Bakar. 1414H / 1976. *Minhaj al-Muslim.* Kaherah: Dar al-Fikr.

Al-Jazairi, Abd al-Rahman. 1972 M. *Kitab al-Fiqh Ala Madhahib al-Arba‘ah.* Jld. ke-4. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Kasani, ‘Ala al-Din Abi Bakr Ibn Mas’ud. t.th. *Bada‘i al-sana‘i fi tartib al-shara‘i.* Matba‘ah al-‘Asimah: Kaherah.

*Kamus Dewan.* 1991. Dewan Bahasa & Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur .

Khallaf, Abd al-Wahhab. 1388H / 1968. Kaherah: t.pt.

Al-Mahalli, Jalal al-Din, t.th. *Al-Mahalli, Hashiyat Qalyubi wa Umayrah.*  
Mesir: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.

Maybank2u.com, <<http://www.maybank2u.com.my/consumer>>.

Majma al-Lughah al-Arabiyyah. 1972. *Al-Mu'jam al-Wasit.* Kaherah: Dar al-Ma'arif,

Mohd Azmi Omar. Takaful Fund & Investment: Analysis & Prospects..  
Dibentangkan di Course on Takaful (Islamic Insurance). anjuran Center for Research and Training (CERT). 29-30 March 2006.

Mohd Daud Bakar, Konsep dan Operasi Takaful: Satu Kajian Perbandingan Antara Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996. Kertas kerja ini dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Undang-Undang Perbandingan*, anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Jun 2001.

Mohd Fadzli Yusof. 1996. *Takaful: Sistem Insurans Islam.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Muslim, Abu al-Husin Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri. t.th. Sahih Muslim ma'a Sharh al-Nawawi. Bayrut: Dar 'Ihya' al-Turath al-Arabi.

Muhammad bin Futuh. 1423H / 2002. *al-Jam' baina al-sahihaini al-bukhari wa muslim.* Tahqiq. Ali Husin al-bawwab. Dar Ibn Hazm. Bayrut: Lubnan.

Muhammad Yamin Ismail. 1998. Perbandingan Kontrak Insurans Konvensional dan Islam: Analisis Khusus Terhadap Operasi Syarikat Takaful dan MCIS Insurance Berhad di Malaysia. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shuayb. t.th. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Suyuti wa hashiyah al-sanadi..* Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya Sharif. 1995. *Raudah al-Talibin*. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya Sharif. t.th. *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Maktabat al-Irshad. Jiddah: al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah.

Nik Ramlah Nik Mahmood. 1996. *Insurance Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworth.

al-Qaradhawi, Yusuf. 1993. *Min hadi al-Islam fatawa muasirah*. al-Mansurah: Dar al-Wafa'.

al-Qaradhawi, Yusuf. 1998. *al-Siyasah al-Shariyyah fi Daw'i Nusus Shariyyah wa Maqasidaha*. Misr. Maktabat al-Wahbah.

al-Qaradhawi, Yusuf. 1999. *Awamil al-Sa'at wa al-Murunah fi Shariat al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

al-Qaradhawi, Yusuf. 1988. *al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Kaherah; Maktabah Wahbah.

al-Qaradhawi, Yusuf. t.th. *Fawaaid al-bunuk hiya al-riba al-haram*. Bayrut; Dar al-Wafa'.

al-Qaradhawi, Yusuf. t.th. *Fiqh al-Zakat*. Muassasah al-Risalah.

al-Qardawi, Yusuf. 1400H / 1980. *Fiqh al-Zakat*. Bayrut: Muassasah al-Risalah

al-Qardhawi, Yusuf. 2002. *Fatwa-fatwa Kontemporer*, (terj.). Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

al-Qaradhawi, Yusuf. 2001. *Fi fiqh al-awlawiyyat*. al-Kaherah: Maktabat al-Wahbah.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1967  
*al-Jamili Ahkam al-Quran.* t.tp.: Dar al-Arabi.

Saqr, Atiyyah. t.th. *Ahsan al-Kalam fi al-fataawa wa al-Ahkam.* Misr: Dar al-Ghad al-Arabi.

al-Sayis, Muhammad Ali. 2002. *Tafsir Ayat al-Ahkam.* Bayrut: Dar Ibn Kathir.

Security Commission, Guidelines On Unit Trusts Funds,  
[<http://www.cs.com.my>](http://www.cs.com.my).

al-Shatibi, Ibrahim Musa. 2001. *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam.* Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Shawkani, Muhammad Ali ibn Muhammad. t.th *Irshad al-Fuhul.* Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

Al-Shawkani, Muhammad Ali ibn Muhammad. t.th. *Nail al-Awtar Min Ahadith Sayyid al-Akyar.* Beirut: Dar al-Jail.

Siti Mashitoh Mahamood. Masalah Undang-Undang Dalam Pentadbiran Harta Amanah Wakaf di Malaysia. dalam *Harta amanah orang Islam di Malaysia mengikut perspektif undang-undang dan pentadbiran.* hlm. 107-122; Kamaruddin Ngah. *Isu pembangunan tanah wakaf.*

al-Suyuti, Abd al-Rahman. 2004. *al-Ashbah wa al-naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-Shafi.* Tahqiq Muhammad Muhammad Tamir & Hafiz Ashur Hafiz. al-Kaherah: Dar al-Salam.

Swiss Mutual Fund, [<http://www.swisscash.net/web/sff\\_sip.aspx>](http://www.swisscash.net/web/sff_sip.aspx). 6 Mac 2007.

*Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an,* 1995, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Takaful Malaysia Berhad, <<http://www.takaful-malaysia.com>>.

*The New Encyclopedia Britannica.* 1985. Chicago: The Chicago Press. vol. 21.

*Utusan Malaysia Online.* Bangunkan Tanah Wakaf. 9 Jun 2007.

Undang-Undang Keluarga Syria 1953.

al-Zuhayli, Ahmad. 1999. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah 'ala al-Madhab al-Hanafi wa al-Shafie.* al-Kuwayt: Majlis al-Nashr al-Ilmi Jamiah al-Kuwayt.

al-Zuhayli, Wahbah. 2001. *Usul fiqh al-Islami..* Dimashq: Dar al-Fikr.

al-Zuhayli, Wahbah. 1994. *Al-fiqh al-Islami wa adillatuh.* Dimashk; Dar al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. 1979. *Nazariyat al-Daruriyyah al-Shariyyah Muqaranat ma'a al-Qanun al-Wadi'e.* Bayrut: Muassasah al-Risalah.